

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

2

LAPORAN EKONOMI
2005/2006

Tinjauan

Ekonomi Malaysia yang cergas dan kukuh terus mencatat pertumbuhan...

Ekonomi Malaysia terus mengekalkan daya tahan yang kukuh, meskipun pertumbuhan ekonomi global sederhana dalam keadaan harga minyak yang tinggi dan dasar monetari di negara maju yang kurang akomodatif, terutamanya di Amerika Syarikat (AS). Ekonomi Malaysia terus mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan permintaan domestik membantu merangsang pengembangan kegiatan ekonomi dalam negeri.

Asas-asas ekonomi negara telah menjadi semakin teguh, sementara permintaan dalam negeri terus mantap berikutan perbelanjaan penggunaan yang kukuh serta peningkatan arah aliran kegiatan pelaburan swasta yang berterusan. Faktor-faktor ini, berserta dengan langkah proaktif Kerajaan untuk mencergaskan kegiatan ekonomi telah menyediakan persekitaran yang membolehkan ekonomi Malaysia berkembang dengan menggalakkan, tetapi rendah sedikit pada kadar 4.9% dalam tempoh separuh pertama 2005, berbanding 8.1% dalam tempoh yang sama 2004. Walaupun harga minyak terus meningkat tinggi, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan 5.1% pada separuh kedua tahun, dengan jangkaan purata pertumbuhan untuk

keseluruhan tahun sebanyak 5%. Anggaran ini juga mengambil kira pertumbuhan sebanyak 4.8% dalam Indeks Pelopor bagi tempoh separuh pertama 2005 yang menunjukkan jangkaan kegiatan ekonomi terus berkembang dalam tempoh separuh kedua tahun. Di samping itu, peningkatan berterusan rizab antarabangsa, susulan daripada lebih akaun semasa yang lebih besar dan aliran masuk modal asing juga mengukuhkan lagi asas-asas makroekonomi dalam negeri.

Pertumbuhan ekonomi dijangka menyeluruh dengan semua sektor utama mencatatkan pertumbuhan positif, kecuali pembinaan. Peneraju pertumbuhan ialah sektor perkhidmatan, pembuatan dan sektor komoditi utama. Perbelanjaan penggunaan dalam negeri yang kukuh dijangka memacu sektor perkhidmatan, terutama dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi serta perkhidmatan kewangan. Pemulihan dalam permintaan elektronik global akan meningkatkan eksport pembuatan yang seterusnya mencergaskan lagi momentum pengeluaran sektor pembuatan pada separuh kedua 2005. Sementara itu, harga komoditi yang stabil akan membantu mengekalkan momentum pertumbuhan sektor pertanian. Perbelanjaan penggunaan swasta kekal mantap berikutan jangkaan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi. Perbelanjaan pelaburan swasta pula

dijangka bertambah kukuh dengan dasar kewangan yang terus akomodatif dan lebih fleksibel serta kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang berterusan.

Sejajar dengan perkembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi, pendapatan negara seperti yang ditunjukkan oleh Keluaran Negara Kasar (KNK) dijangka meningkat 9.1% kepada RM463,546 juta (2004: 14.1%; RM425,060 juta) dengan pendapatan per kapita meningkat 6.8% kepada RM17,741 (2004: 11.7%; RM16,616). Mengikut pariti kuasa beli (PPP), pendapatan per kapita dianggarkan meningkat 7.2% kepada USD10,323 (2004: 7.4%; USD9,630).

Perkembangan Antarabangsa

Pertumbuhan global sederhana tetapi kekal cergas di sebalik harga minyak mentah yang tinggi...

Ekonomi dunia dijangka berkembang sederhana pada 2005 berikutan kenaikan harga minyak yang mendadak dan pertukaran arah aliran kadar faedah. Walaupun kadar pertumbuhan global agak perlahan, ianya akan kekal kukuh dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi yang berterusan.

Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini diramal sederhana pada kadar 4.3% setelah mencatat pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 30 tahun iaitu 5.1% pada 2004, seperti *Jadual 2.1*. Pertumbuhan global terus diterajui oleh China dan AS dengan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 9% dan 3.5%. Kebanyakan negara membangun di Asia dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang memuaskan, namun masih di bawah paras 2004. Pemulihan ekonomi di Jepun diramal terus mapan bertunjang kepada peningkatan pelaburan korporat dan perbelanjaan penggunaan swasta serta peningkatan semula eksport. Prestasi di kawasan euro dijangka bertambah baik walaupun berbeza antara negara dengan meningkatnya daya saing eksport ekoran mata wang euro yang lemah.

AS yang berada dalam pengembangan tahun keempat terus mengatasi ekonomi negara industri utama lain meskipun harga minyak tinggi dan kadar faedah meningkat. **Pertumbuhan KDNK**nya telah mencatatkan 3.3% pada suku kedua 2005 (suku pertama 2005: 3.8%). Ini terutamanya disebabkan oleh penggunaan persendirian, eksport, peralatan dan perisian, pelaburan tetap kediaman serta perbelanjaan kerajaan, yang sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam pelaburan inventori persendirian. Dengan prospek kekal stabil bagi enam bulan selanjutnya, KDNK benar bagi tahun ini diramalkan pada kadar 3.5%.

Ekonomi UK menunjukkan prestasi yang baik sedikit pada suku kedua dengan pertumbuhan KDNK 0.5% (suku pertama 2005: 0.4%), disebabkan oleh kadar faedah yang tinggi dan harga minyak yang semakin meningkat, terus melemahkan perbelanjaan pengguna dan peniaga. Sungguhpun pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal cergas, pengeluaran pembuatan merosot, manakala pengangkutan dan komunikasi serta pasaran perumahan pula tidak berubah.

Jepun mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 0.8% dalam suku kedua 2005 (suku pertama 2005: 1.3%), dengan perbelanjaan pengguna menyumbang lebih daripada separuh pertumbuhannya. Sumbangan eksport kepada pertumbuhan KDNK yang menjadi positif buat pertama kali dalam tempoh empat suku tahun, menunjukkan kekuatan pemulihan ekonominya. Penunjuk lain, terutamanya jualan runcit, pelan pelaburan dan pertumbuhan guna tenaga menjurus kepada pengembangan ekonomi yang berterusan dalam separuh kedua tahun ini.

Sebaliknya, pertumbuhan di kawasan 12-negara euro kekal lemah dengan kadar yang berbeza. Kawasan ini mencatat pertumbuhan 0.3% pada suku kedua 2005 (suku pertama 2005: 0.4%) berikutan harga minyak yang tinggi dan kegiatan industri global yang perlahan. Ini turut disebabkan oleh krisis bajet dan perlembagaan yang terus menjejaskan keyakinan pengguna dan perniagaan. Walau bagaimanapun, Jerman menunjukkan peningkatan permintaan dalam negeri buat kali pertama dalam tempoh hampir

JADUAL 2.1

**Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Negara Terpilih
2002-2006**
(% perubahan)

	2002	2003	2004	2005 ¹	2006 ²
KDNK dunia	3.0	4.0	5.1	4.3	4.3
Negara maju					
Kawasan euro	0.9	0.7	2.0	1.2	1.8
Jepun	-0.3	1.4	2.7	2.0	2.0
United Kingdom	2.0	2.5	3.2	1.9	2.2
Amerika Syarikat	1.6	2.7	4.2	3.5	3.3
Asia Timur					
China	8.3	9.5	9.5	9.0	8.2
Hong Kong SAR	1.9	3.2	8.1	6.3	4.5
Korea Selatan	7.0	3.1	4.6	3.8	5.0
Taiwan	3.9	3.3	5.7	3.4	4.3
ASEAN 5					
Indonesia	4.4	4.9	5.1	5.8	5.8
Malaysia	4.4	5.4	7.1	5.0	5.5
Filipina	4.3	4.5	6.0	4.7	4.8
Singapura	3.2	1.4	8.4	3.9	4.5
Thailand	5.3	6.9	6.1	3.5	5.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF *World Economic Outlook* (September 2005) dan pelbagai sumber.

setahun apabila import mengatasi eksport, didorong oleh peningkatan perbelanjaan pengguna dan kerajaan serta pelaburan dalam peralatan dan jentera apabila tempahan kilang dan pengeluaran industri meningkat pada akhir suku kedua 2005. Arah aliran ini dijangka berterusan bagi suku ketiga ekoran peningkatan keyakinan perniagaan selanjutnya, disokong oleh tanda-tanda pertumbuhan yang menggalakkan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Ekonomi ASEAN 5 kekal kukuh pada 2005 biarpun pada kadar pertumbuhan KDNK yang lebih rendah, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang kekal kukuh. Secara amnya, dasar monetari dan fiskal kekal akomodatif serta sentimen pelabur mengukuh di kebanyakan negara di rantau ini. Perdagangan intraserantau juga dijangka terus berkembang pesat memandangkan pertumbuhan yang kekal mantap di China dan India, serta disokong oleh

usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi daya saing dan integrasi serantau.

China terus mencatatkan pertumbuhan yang cergas dengan mengekalkan pertumbuhan KDNK 9.5% dalam separuh pertama 2005, apabila eksport meningkat dan pelaburan dalam loji janakuasa, lombong dan kilang semakin bertambah. Bagi tempoh selanjutnya, Kerajaan dijangka terus mengawasi pertumbuhan ekonomi melalui beberapa siri kawalan pentadbiran yang ketat ke atas pinjaman bank dan pembangunan tanah untuk mencegah sesetengah sektor daripada terlalu berkembang pesat. Di sebalik pendekatan yang diambil, pada Julai, pelaburan aset tetap benar terus bertambah 27.7% (Januari-Jun 2005: 25.4%), nilai tambah industri meningkat 16.1% (Januari-Jun 2005: 16.4%) dan jumlah jualan runcit barangan pengguna juga meningkat 12.7% (Januari-Jun 2005: 13.2%). Dengan arah aliran semasa yang berterusan, pertumbuhan

KDNK bagi tempoh selanjutnya dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebagaimana pada separuh pertama 2005.

Keadaan pasaran buruh di kebanyakan rantau terus bertambah baik. Pada Ogos 2005, kadar pengangguran di AS kekal rendah pada 4.9% (2004: 5.5%), dengan sejumlah 2.2 juta pekerjaan diwujudkan setakat bulan tersebut. Pada Julai, pasaran buruh di Jepun dan kawasan euro pula kelihatan bertambah baik dengan kadar pengangguran masing-masing pada 4.4% (2004: 4.7%) dan 8.6% (2004: 8.9%). Di UK juga ianya baik sedikit pada 4.7% dalam suku kedua 2005 (2004: 4.8%).

Kenaikan harga minyak meningkatkan **inflasi** global tetapi masih pada tahap yang terkawal. Di AS, harga pengguna meningkat sedikit 0.5% pada Julai 2005 (2004: 3.3%), berikutan kenaikan kos tenaga dan makanan. Di sebalik harga minyak yang terus tinggi, kenaikan cukai tidak langsung dan harga tertadbir, inflasi di kawasan euro kekal stabil pada 2.2% pada Julai 2005 (2004: 2.2%). China juga berjaya mengekalkan inflasi pada tahap yang agak stabil, dengan Julai mencatatkan 1.8% (2004: 3.9%). Walau bagaimanapun, inflasi di UK meningkat ke paras yang tertinggi dalam tempoh tujuh tahun, iaitu 2.3% dalam bulan Julai (2004: 1.3%), melepasi sasaran 2% oleh *Bank of England* (BOE). Ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak, pengangkutan, barangan import, utiliti, makanan dan perkhidmatan kewangan.

Dasar monetari di negara-negara industri kekal menyokong pertumbuhan. Di AS, selaras dengan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan kenaikan yang perlahan dalam tekanan inflasi, *Federal Reserve Board* (Fed) telah menaikkan kadar dana persekutuan kepada 3.75% pada September 2005, iaitu kenaikan yang ke-11 sejak Jun 2004. Di kawasan euro, *European Central Bank* (ECB) terus mengekalkan kadar faedah utama pada paras terendah sebanyak 2% sejak Jun 2003 bagi merangsang perbelanjaan pelaburan dan pengguna. Sementara itu, kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi yang perlahan bagi tempoh separuh pertama tahun ini telah menyebabkan BOE mengurangkan kadar faedah penanda aras kepada 4.5% pada

Ogos. Jepun pula terus mengekalkan dasar kewangan kuantitatif yang longgar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengatasi deflasi.

Ekonomi Malaysia

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Penggunaan dalam negeri dan aktiviti sektor swasta mengekalkan pertumbuhan ekonomi...

Pertumbuhan ekonomi pada 2005 terus diterajui oleh permintaan dalam negeri, dirangsang oleh aktiviti sektor swasta dan disokong oleh peningkatan eksport. Aktiviti sektor swasta telah berkembang dan terus memainkan peranan utama sebagai penjana pertumbuhan ekonomi.

Peranan sektor swasta semakin mantap dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi. **Perbelanjaan sektor swasta** yang kembali pulih pada 2002 dijangka terus meningkat 7.5% (2004: 13.1%) pada 2005 berikutan sentimen pengguna yang positif dan kedudukan perniagaan yang menggalakkan. Bahagian sektor swasta kepada KDNK terus meningkat kepada 60.9% dan menyumbang 4.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK, seperti *Jadual 2.2*. **Perbelanjaan sektor awam** dijangka berkembang 5.9% (2004: -2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelaburan modal yang tinggi oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Sehubungan ini, bahagian perbelanjaan sektor awam kepada KDNK benar dijangka kekal pada 30.6% pada tahun 2005 (2004: 30.3%). Selaras dengan momentum aktiviti sektor swasta yang semakin kukuh dalam separuh kedua tahun, disokong oleh kenaikan dalam permintaan barangan elektronik global, agregat permintaan domestik dalam nilai benar (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka terus meningkat 6.9% dan menyumbang 6.3 mata peratusan kepada keseluruhan 5% pertumbuhan KDNK. Prestasi sektor swasta yang memberangsangkan digerakkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang lebih tinggi, sementara perbelanjaan penggunaan kekal mantap.

JADUAL 2.2

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat
2004-2006**
(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
KDNK	7.1	5.0	5.5	100.0	100.0	100.0	7.1	5.0	5.5
Permintaan dalam negeri³	7.5	6.9	5.7	89.9	91.5	91.7	6.7	6.3	5.2
Perbelanjaan swasta	13.1	7.5	8.1	59.6	60.9	62.5	7.4	4.5	5.0
Penggunaan	10.5	7.5	7.0	48.3	49.4	50.1	4.9	3.6	3.5
Pelaburan	25.8	7.6	13.0	11.3	11.5	12.4	2.5	0.9	1.5
Perbelanjaan awam	-2.1	5.9	0.8	30.3	30.6	29.2	-0.7	1.8	0.2
Penggunaan	6.0	8.9	1.3	14.7	15.2	14.6	0.9	1.3	0.2
Pelaburan	-8.7	3.0	0.3	15.6	15.4	14.6	-1.6	0.5	0.0
Perubahan dalam stok				2.2	-0.7	0.2	2.9	-2.9	0.9
Sektor luar	-22.4	20.8	-6.4	7.9	9.2	8.1	-2.5	1.6	-0.6
Eksport ⁴	16.3	7.7	9.3	117.4	120.5	124.9	17.6	9.0	11.2
Import ⁴	20.7	6.7	10.6	109.5	111.3	116.8	20.1	7.4	11.8
KDNK (RM bilion, harga semasa)	449.6	487.4	530.6						
Perubahan (%)	13.8	8.4	8.9						

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** yang kukuh sebanyak 7.5% (2004: 10.5%) disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah berikutan harga komoditi yang menggalakkan, pasaran pekerjaan yang stabil dan persekitaran kadar faedah yang rendah. Pada tujuh bulan pertama 2005, penunjuk penggunaan utama khususnya jualan motosikal dan kutipan cukai jualan mencatat pertumbuhan dua angka iaitu 12.2% dan 22.5% (Januari-Julai 2004: 59.3%; -16.2%), seperti *Carta 2.1*. Penunjuk-penunjuk lain seperti import barangan penggunaan, jualan barangan makanan, kredit penggunaan dan perbelanjaan kad kredit juga menunjukkan

peningkatan antara 6.6% dan 18.6%. Pada separuh kedua tahun, penggunaan swasta dijangka kekal kukuh, dengan harga komoditi yang sederhana tinggi dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus berkembang.

Pelaburan swasta dijangka meningkat 7.6% dan merangkumi 11.5% kepada KDNK pada 2005 (2004: 25.8%; 11.3%), berikutan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor pembinaan, perkhidmatan, minyak dan gas serta pertanian. Kerajaan telah meliberalisasikan peraturan pengurusan pertukaran asing pada 1 April 2005 untuk merancakkan lagi persekitaran


CARTA 2.1

Penunjuk Penggunaan Swasta

perniagaan dan menggalakkan pilihan pengurusan risiko yang lebih luas untuk menggalakkan lagi aktiviti pelaburan. Ini disusuli dengan peningkatan nilai ringgit, berikutan penamatan tambatan ringgit pada 21 Julai 2005 yang dijangka memberi impak positif kepada pelaburan swasta dengan syarikat-syarikat dan para pelabur mengambil peluang daripada kos import yang lebih rendah untuk menambah baik kilang dan mesin serta menceburi pelaburan baru. Pendapatan eksport yang lebih tinggi bagi beberapa tahun kebelakangan ini juga membantu menyediakan pembiayaan tambahan kepada pelaburan melalui dana dalaman. Tambahan pula, konsep perkongsian awam-swasta yang sedang dilaksanakan dalam program penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutamanya dalam bidang bioteknologi, bahan dan pembuatan termaju serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dijangka merangsangkan lagi aktiviti pelaburan. Inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan daya saing negara dan ketahanan ekonomi.

Malaysia terus menarik FDI terutamanya dalam sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun kebelakangan ini, kemasukan pelaburan tertumpu kepada industri minyak dan gas serta perkhidmatan, terutamanya dalam komunikasi, informasi dan perkhidmatan kewangan. Ini dicerminkan dalam imbalan pembayaran (BOP) tunai dengan keseluruhan FDI mencatat kemasukan bersih sebanyak RM2,025 juta pada separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: RM1,052 juta). Kemasukan FDI dalam sektor pembuatan sepertimana yang dilaporkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 74.6% bagi jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM7,901 juta pada tujuh bulan pertama tahun berbanding pengurangan 1.3% (RM4,525 juta) bagi tempoh yang sama tahun lepas. Pelaburan yang diluluskan bagi pelabur tempatan meningkat ketara sebanyak 54.5% kepada RM7,461 juta pada tempoh yang sama, hasil usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan tempatan, di samping menarik FDI berkualiti tinggi. Sehubungan ini, pelaburan yang diluluskan mencatat peningkatan 64.2% kepada RM15,362 juta, yang mana 52.4% adalah untuk pelaburan baru. Sejumlah besar pelaburan yang diluluskan adalah bagi industri produk elektrik dan

CARTA 2.2

Penunjuk Pelaburan Swasta

elektronik, produk logam asas, pengilangan makanan dan kelengkapan pengangkutan.

Jangkaan pertumbuhan pelaburan swasta pada 2005 disokong oleh beberapa penunjuk pelaburan utama, seperti *Carta 2.2*. Penunjuk-penunjuk ini, termasuk import barangan modal dan perantaraan serta pinjaman dikeluarkan oleh sistem perbankan, meningkat antara 5.6% dan 10.8% pada tujuh bulan pertama 2005. Paling ketara ialah peningkatan jualan kenderaan perdagangan yang mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 55.6% bagi tempoh tempoh yang sama (Januari-Julai 2005: 33.6%).

Perbelanjaan **pelaburan awam** dijangka meningkat 3% pada 2005 (2004: -8.7%) terutamanya disebabkan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi oleh PABK. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan, selepas mengambil kira bayaran pindahan, dijangka berkurangan 5.3% pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pelaburan awam yang lebih perlahan ini diimbangi oleh pelaburan swasta yang lebih kukuh dengan para pelabur menyambut baik dasar mesra perniagaan Kerajaan. Oleh itu, bahagian perbelanjaan modal sektor awam kepada keseluruhan KDNK dijangka berkurangan kepada 15.4% (2004: 15.6%), sementara bahagian sektor swasta meningkat kepada 11.5% pada tahun 2005 (2004: 11.3%).

Perbelanjaan **penggunaan awam** dijangka terus meningkat 8.9% (2004: 6%), terutamanya bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan adalah bertujuan untuk menambahbaikkan lagi sistem penyampaian sektor awam dan pembangunan modal insan sebagai langkah jangka panjang untuk memperkukuhkan daya saing negara dan ketahanan ekonomi.

Prestasi Mengikut Sektor

Pertumbuhan sektoral kekal baik dan menyeluruh...

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan yang baik dengan kebanyakan sektor menyumbang secara positif kepada KDNK. Sektor perkhidmatan secara khususnya dengan

sumbangan 57.8% kepada KDNK dijangka terus menjadi peneraju utama pertumbuhan. Sektor pertanian terus memperoleh faedah dari usaha pemodenan dan transformasi aktiviti pertanian kepada sumber pertumbuhan ekonomi yang berdaya maju dari segi komersil. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dengan sumbangan 31.5% kepada KDNK terus kekal sebagai sumber pertumbuhan kedua terpenting dan juga masih memainkan peranan utama kepada ekonomi Malaysia.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 5.8% (2004: 6.8%) dengan kesemua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh aktiviti permintaan dalam negeri yang kukuh. Sektor pembuatan mencatat pertumbuhan 4.4% pada separuh pertama 2005 dan dijangka meningkat lagi pada separuh kedua menjadikan pertumbuhan 4.8% untuk keseluruhan tahun 2005 (2004: 9.8%), berikutan prospek permintaan elektronik global yang lebih baik.

Nilai ditambah sektor pertanian dijangka kekal berkembang pada kadar 4.8% (2004: 5%),

disokong oleh peningkatan pengeluaran kelapa sawit berdasarkan pertambahan kawasan matang dan produktiviti yang lebih baik. Dasar dan strategi Kerajaan yang menjurus kepada pengeluaran makanan juga terus memperkembangkan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, nilai ditambah sektor perlombongan, dijangka mengalami pertumbuhan lebih perlahan pada 1.5% (2004: 3.9%), disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi yang mengurangkan kesan pengeluaran rendah minyak mentah. Sektor pembinaan dijangka mencatatkan penyusutan kecil sebanyak 1.1% (2004: -1.5%) berikutan aktiviti kejuruteraan awam yang rendah

Sektor Pembuatan

Perkembangan menggalakkan dengan industri terus maju melalui rekabentuk terkini dan penggabungan produk...

Output sektor pembuatan berkembang sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 berikutan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan,

JADUAL 2.3

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor

2004-2006

(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Pertanian ³	5.0	4.8	5.0	8.5	8.5	8.4	0.4	0.4	0.4
Perlombongan	3.9	1.5	4.7	7.0	6.7	6.7	0.3	0.1	0.3
Pembuatan	9.8	4.8	4.9	31.6	31.5	31.3	3.0	1.5	1.5
Pembinaan	-1.5	-1.1	3.0	2.9	2.7	2.7	-0.1	0.0	0.1
Perkhidmatan	6.8	5.8	6.1	57.4	57.8	58.1	3.9	3.3	3.5
Tolak caj tertaksir perkhidmatan bank	3.4	3.9	3.9	9.3	9.2	9.1	0.3	0.4	0.4
Tambah duti import	-5.4	2.7	0.2	2.0	2.0	1.9	-0.1	0.1	0.1
KDNK	7.1	5.0	5.5	100.0	100.0	100.0	7.1	5.0	5.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk ternakan dan hortikultur.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

disebabkan terutamanya oleh permintaan sederhana untuk separa konduktor. Kitaran menurun industri separa konduktor ini tidak berlarutan dan jauh lebih sederhana berbanding dengan keadaan yang dialami pada 2001 dengan industri ini telahpun menunjukkan kesan pemulihan bermula suku kedua 2005. Pertumbuhan dijangka berterusan pada separuh kedua 2005, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat untuk produk digabungkan, terutamanya peralatan telekomunikasi, barangan elektronik pengguna dan komputer peribadi, dengan itu melonjakkan sektor pembuatan kepada tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilainya.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005, pengembangan yang lebih ketara dan meluas telah dicatat oleh industri berorientasi domestik dengan hampir kesemua industri mencatatkan pertumbuhan yang besar kecuali industri berkaitan pembinaan. Industri plastik dan kimia, makanan serta kelengkapan pengangkutan mencapai

peningkatan yang pesat, disokong oleh pertumbuhan aktiviti ekonomi domestik yang memberangsangkan dan peningkatan pendapatan boleh guna. Ini telah membantu mengurangkan kesan penyusutan output produk galian bukan logam serta produk besi dan keluli. Sebaliknya, semua industri berorientasi eksport menunjukkan arah aliran yang lebih rendah. Walaupun menunjukkan pertumbuhan yang perlahan, industri ini terus menyumbangkan lebih daripada 50% kepada keseluruhan output sektor pembuatan. Malaysia, sebagai pengeluar utama sarung tangan getah, terus mengekalkan daya saing industri ini dari segi pengeluaran dan pendapatan eksport.


Penggunaan kapasiti keseluruhan sektor pembuatan kekal pada tahap yang tinggi dengan kadar purata 82.8% dalam tempoh separuh pertama 2005. Hampir 40% pengilang beroperasi pada tahap kapasiti yang tinggi (81%-100%), manakala 40% lagi mengekalkan operasi dengan kadar penggunaan kapasiti antara 60%-80%. Peningkatan ketara bagi jualan kenderaan bermotor, produk kimia dan plastik serta peralatan pejabat, mesin pengiraan dan perakaunan melonjakkan jualan sektor pembuatan sebanyak 15.6% kepada RM262,984 juta (Januari-Julai 2004: 19.3%; RM227,578 juta) seperti *Jadual 2.5*.

Output keseluruhan **industri berorientasi eksport** berkurang kepada 0.1% (Januari-Julai 2004: 21.1%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005. Penurunan ini disebabkan oleh kitaran menurun permintaan global untuk produk **E&E** terutamanya separa konduktor yang berlaku sejak suku terakhir 2004 menyebabkan para pengilang membuat penyesuaian terhadap pengeluaran dan inventori. Walaupun berlaku kitaran menurun, sumbangan separa konduktor kepada sektor pembuatan masih kekal tinggi pada 34.4%. Penggunaan kapasiti bagi industri ini yang selalunya lebih tinggi daripada purata bagi sektor pembuatan juga kekal tinggi melebihi 85%, berikutan jangkaan pengeluar terhadap permintaan yang lebih kukuh dalam separuh kedua 2005.

Aktiviti reka bentuk dan pembangunan (D&D) yang rancak dalam industri elektronik dan ICT, terutamanya pembangunan perisian dan sistem serta proses pengilangan berteknologi tinggi

CARTA 2.3

Prestasi Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 2.4

Indeks Pengeluaran Pembuatan**Januari-Julai****(1993=100)**

Sektor	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Industri berorientasi eksport	251.9	252.1	21.1	0.1	53.1	51.3
Elektrik, elektronik dan jentera:	318.3	319.0	24.2	0.2	41.8	40.4
Separa konduktor	434.8	443.5	33.2	2.0	35.0	34.4
Radio dan set TV	107.5	104.4	-18.5	-2.8	2.8	2.6
Alat profesional, saintifik, penyukat dan kawalan	137.3	137.3	15.5	0.0	0.7	0.7
Produk berasaskan getah	226.4	237.2	17.4	4.8	4.8	4.8
Produk berasaskan kayu	115.0	108.1	17.8	-6.0	3.5	3.2
Tekstil dan pakaian	99.1	94.8	-9.9	-4.3	2.2	2.0
Industri berorientasi domestik	249.3	268.3	9.8	7.6	46.9	48.7
Produk plastik dan kimia	311.5	350.8	15.5	12.6	19.2	20.9
Produk plastik	525.8	624.9	13.0	18.8	7.7	8.9
Kimia dan produk kimia	244.7	265.2	17.2	8.4	11.5	12.0
Kimia perindustrian	258.0	277.9	16.7	7.7	6.7	10.1
Makanan, minuman dan tembakau	207.3	231.8	2.0	11.8	9.2	9.9
Industri berkaitan pembinaan:	233.7	221.8	11.5	-5.1	11.1	10.2
Besi dan keluli	217.7	201.4	5.5	-7.5	2.8	2.5
Produk logam ditempa	278.4	268.3	31.2	-3.6	5.0	4.7
Galian bukan logam	197.7	187.2	-5.5	-5.3	3.3	3.0
Kelengkapan pengangkutan	252.6	278.4	5.2	10.2	3.7	3.9
Kertas dan produk kertas	199.3	217.1	4.7	8.9	1.3	1.4
Penapisan minyak mentah	199.2	207.3	-4.4	4.0	1.1	1.1
Logam bukan ferum	217.3	223.9	11.4	3.0	0.7	0.7
Pelbagai produk petrol dan arang batu	181.4	202.2	14.4	11.5	0.3	0.3
Kaca dan produk kaca	116.9	129.1	-0.5	10.4	0.3	0.3
Jumlah	250.7	259.7	15.5	3.6	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

berasaskan pengetahuan menyumbang kepada pemulihan subsektor E&E. Industri ini dijangka mendapat manfaat daripada perubahan dinamik di dalam produk elektronik pengguna, hasil daripada perubahan dalam teknologi, inovasi dan pengenalan produk-produk baru di pasaran. Menerajui pertumbuhan teknologi ini ialah produk digital bergabung seperti set televisyen berpanel rata yang mesra alam, kamera digital, pemain cakera video digital (DVD) dan telefon berkamera dan butik hiburan. Industri ini juga menerima manfaat daripada pembangunan teknologi baru

elektronik automotif seperti sistem dan pengesanan keselamatan (beg udara dan brek anti kunci) dan alat hiburan auto khusus serta peralatan maklumat (litar pandu arah dan hiburan serta sistem paparan kawalan).

Industri E&E juga telah menarik pengusaha baru seperti syarikat perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS). Sebahagian daripada syarikat EMS ini adalah pengeluar reka bentuk asli (ODM) yang telah maju sebagai pengeluar yang membekal produk kepada syarikat ternama,

JADUAL 2.5

Jualan Barangan Pembuatan Januari-Julai

Sektor	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Industri berorientasi eksport	127,607	137,714	23.0	7.9	56.1	52.4
Elektrik, elektronik dan jentera: antaranya:	104,586	113,656	24.7	8.7	46.0	43.2
Separa konduktor	62,615	65,511	12.2	4.6	27.5	24.9
Mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan	19,264	26,890	141.1	39.6	8.5	10.2
Produk berasaskan getah	8,151	8,616	24.5	5.7	3.6	3.3
Produk berasaskan kayu	7,655	8,304	21.3	8.5	3.4	3.2
Tekstil, pakaian dan kasut	4,994	5,243	4.4	5.0	2.2	2.0
Alat profesional, saintifik, penyukat dan kawalan	2,221	1,895	-0.8	-14.7	1.0	0.7
Industri berorientasi domestik	99,971	125,270	15.0	25.3	43.9	47.6
Kimia, produk plastik dan kimia:	35,663	43,183	29.6	21.1	15.7	16.4
Kimia	24,898	29,453	32.0	18.3	10.9	11.2
Plastik	10,765	13,730	24.4	27.5	4.7	5.2
Penapisan minyak mentah	16,286	26,048	-5.6	59.9	7.2	9.9
Produk besi, keluli dan logam	16,342	21,112	32.1	29.2	7.2	8.0
Kelengkapan pengangkutan	9,849	12,358	0.1	25.5	4.3	4.7
Makanan, minuman dan tembakau	9,812	10,352	11.7	5.5	4.3	3.9
Kertas dan produk kertas	5,393	5,824	15.3	8.0	2.4	2.2
Produk galian bukan logam	5,747	5,427	-0.9	-5.6	2.5	2.1
Pelbagai produk petrol dan arang batu	433	489	16.9	12.9	0.2	0.2
Produk pembuatan lain	446	477	20.3	6.9	0.2	0.2
Jumlah	227,578	262,984	19.3	15.6	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

menggunakan jenama mereka sendiri atau jenama syarikat ternama tersebut, pada harga yang lebih kompetitif.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, pengeluaran **produk berasaskan getah** terdiri daripada produk berasaskan susu getah, tayar dan tiub serta kasut getah terus meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 4.8% (Januari-Julai 2004: 17.4%). Dalam tempoh yang sama, jualan produk getah juga meningkat sederhana kepada 5.7% berbanding 24.5% dalam tempoh


yang sama tahun lepas. Bagi mengukuhkan kedudukan, pengeluar dalam industri ini berusaha membangunkan produk baru yang berpotensi seperti alat dan komponen automotif yang menggabungkan getah dan besi (*engine mountings* dan *suspension bushes*) dan tayar *off-road*.

Industri berasaskan kayu menyusut 6% (Januari-Julai 2004: 17.8%). Dalam kumpulan industri tersebut, jualan papan lapis meningkat sederhana kepada 2.5% (Januari-Julai 2004:

25.2%), manakala jualan bagi tingkap dan pintu serta kerja kayu juga menyusut 1.9% (Januari-Julai 2004: 19.5%). Berbanding industri E&E yang menerima kesan daripada pengurangan dalam permintaan, kemerosotan industri berasaskan kayu adalah disebabkan kekurangan bekalan bahan mentah, terutamanya bekalan kayu getah bergergaji yang digunakan oleh pengilang perabot. Berkuatkuasa 8 Jun tahun ini, Kerajaan telah mengharamkan pengeksportan kayu getah bergergaji untuk meningkatkan bekalan di dalam negara. Langkah ini juga adalah untuk menggiatkan aktiviti hiliran bagi industri berasaskan kayu yang bernilai tambah seperti *engineered solid* atau *hardwood flooring*, tingkap, pintu dan kerja kayu. Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport perabot kayu getah terkenal di dunia dan bagi memenuhi permintaan yang berterusan terhadap perabot dan produk berkualiti tinggi, Malaysia sedang beralih kepada pengeluaran input bagi produk berasaskan kayu yang bermutu tinggi.

CARTA 2.4

Prestasi Industri Separa Konduktor (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Semiconductor Industry Association (SIA).

Industri berorientasi domestik menunjukkan aliran peningkatan dengan output mencatat perkembangan kukuh sebanyak 7.6% (Januari-Julai 2004: 9.8%) disebabkan pertumbuhan positif dalam kelengkapan pengangkutan, plastik dan kimia, makanan dan minuman serta kertas dan produk kertas. Permintaan domestik yang semakin baik serta peningkatan sentimen pengguna dan pendapatan boleh guna, menyumbang kepada prestasi positif yang berterusan bagi industri ini.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005, output dan jualan **kelengkapan pengangkutan** meningkat dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.2% dan 25.5% (Januari-Julai 2004: 5.2%; 0.1%). Pertumbuhan ini diterajui oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi kenderaan perdagangan (42.8%), motosikal dan skuter (20.4%) serta kenderaan penumpang berkapasiti tinggi (5.8%). Pemulihan ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan pengguna di Malaysia, pelancaran model baru dengan reka bentuk dan ciri yang lebih baik serta kemudahan pembiayaan yang menarik. Peningkatan tempahan daripada pengguna bagi model baru yang popular turut meningkatkan prestasi industri ini. Jualan memberangsangkan turut dicatat dalam pasaran domestik untuk komponen dan alat ganti kenderaan yang melonjak sebanyak 21.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: -4.8%).

Peningkatan output kimia perindustrian telah memberi manfaat kepada **produk kimia**. Output bagi produk kimia lain turut bertambah dengan mendadak hasil daripada jualan yang tinggi bagi produk kimia perindustrian asas yang meningkat dengan ketara sebanyak 25.3%. Begitu juga, peningkatan dalam subsektor perladangan telah menghasilkan peningkatan jualan baja dan racun sebanyak 25.1%. Manakala output produk plastik dijadikan komponen produk E&E dan bahan pembungkusan terutamanya bagi industri pemprosesan makanan juga berkembang dengan ketara sebanyak 18.8% (Januari-Julai 2004: 13%).

Industri **makanan, minuman dan tembakau** yang mencatat pertumbuhan output ketara sebanyak

11.8% telah menyumbang sebanyak 9.9% kepada output keseluruhan sektor pembuatan (Januari-Julai 2004: 2.0%; 9.2%). Keupayaan Malaysia sebagai pengeluar makanan bertambah kukuh dengan peningkatan jumlah jualan sebanyak 5.5% (Januari-Julai 2004: 11.7%) kepada RM10,352 juta manakala eksport makanan turut meningkat 8.8% (Januari-Julai 2004: 19.7%) kepada RM5,628 juta. Penyumbang utama kepada output dan jualan yang lebih tinggi ialah koko, coklat, penapisan gula, minyak sayuran dan binatang, tepung dan biskut, minuman ringan serta produk tenusu lain.

Output bagi **kertas dan produk kertas** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 4.7%). Jualan bagi kotak dan bekas penyimpan daripada kertas dan kertas tebal turut mencatat peningkatan 9.6% manakala produk lain daripada kertas meningkat 12.4% dalam tempoh yang sama. Industri ini dijangka akan terus berkembang dengan pembinaan kilang pulpa dan kertas baru berkapasiti tinggi di Sabah dan Sarawak. Industri pulpa dan kertas Malaysia dijangka menerima manfaat daripada peningkatan purata tahunan sebanyak 3.1% dalam permintaan dunia terhadap pulpa dan kertas tebal iaitu 440 juta tan metrik menjelang 2010 seperti yang diunjur oleh Food and Agriculture Organisation (FAO). Tambahan pula, Malaysia sedang menggiatkan usaha R&D dalam gentian bukan kayu seperti kenaf dan bahan buangan kelapa sawit untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara.

Industri berkaitan pembinaan mencatat pertumbuhan negatif 5.1% (Januari-Julai 2004: 11.5%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 kesan daripada penyusutan output besi dan keluli serta galian bukan logam seperti simen dan konkrit campuran siap. Pengeluaran kepingan dan batang besi serta keluli, kepingan besi yang disadur, paip besi kimpal dan keluli mencatat pertumbuhan sederhana selaras dengan kemerosotan sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, industri besi dan keluli mencatat lonjakan dalam nilai jualannya sebanyak 58% (Januari-Julai 2004: 61.3%) yang disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga.

Sektor Pertanian

Pertambahan pengeluaran dalam tanaman bukan perladangan...

Nilai ditambah **sektor pertanian** dijangka berkembang pada kadar 4.8% pada 2005 (2004: 5%) seperti Jadual 2.6. Pertumbuhan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) hasil daripada produktiviti yang meningkat dan kawasan matang yang bertambah. Nilai ditambah subsektor bukan perladangan, terutama sekali komoditi makanan juga bertambah hasil daripada pelbagai program dan langkah yang telah dilaksanakan untuk mencergaskan semula sektor ini. Berikutnya, sektor perladangan dan bukan perladangan terus memainkan peranan penting dalam membekalkan input asas dan bahan mentah kepada industri berasaskan pertanian dan industri lain yang berkaitan.

Pengeluaran **CPO** dijangka meningkat ketara sebanyak 9.5% kepada 15.3 juta tan metrik pada 2005 (2004: 4.6%; 14 juta tan metrik), berikutan pertambahan kawasan matang, peningkatan hasil sehektar, kadar perahan minyak sawit yang lebih baik serta harga CPO yang agak tinggi. Dalam lapan bulan pertama tahun 2005, pengeluaran minyak sawit kembali cergas dan meningkat tinggi sebanyak 14.9% (Januari-Ogos 2004: -1.5%). Ini disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan purata hasil setandan buah segar kepada 12.33 tan metrik sehektar (Januari-Ogos 2004: 11.41 tan metrik sehektar). Begitu juga, kadar perahan minyak sawit yang lebih tinggi sebanyak 20.09% telah dicatatkan pada tempoh yang sama (Januari-Ogos 2004: 19.93%). Kawasan matang juga bertambah 1.9%, kebanyakannya adalah di Sabah (19,025 hektar) dan Sarawak (7,403 hektar). Secara keseluruhannya, kawasan tanaman kelapa sawit dianggar meningkat sebanyak 1.9% kepada 3.949 juta hektar, dengan mengambil kira kawasan baru yang dikenal pasti, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah ini, 60% dimiliki oleh sektor swasta, manakala 30% diusahakan oleh pekebun kecil yang diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) dan FELCRA Berhad, dan bakinya oleh pekebun kecil persendirian. Malaysia kekal

JADUAL 2.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian**2004-2006**

(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Sumbangan kepada Pertanian (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Pertanian	5.0	4.8	5.0	100.0	100.0	100.0
Kelapa sawit	3.9	9.5	6.6	34.9	36.5	37.1
Perhutanan dan pembalakan	4.3	3.0	2.4	14.0	13.7	13.4
Perikanan	5.5	-0.4	5.3	12.4	11.8	11.8
Getah	16.5	-2.0	1.8	11.1	10.4	10.1
Pertanian lain ³	2.4	4.7	5.3	27.6	27.6	27.6

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Termasuk ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian seperti buah-buahan, kopra, sayur-sayuran, tembakau, teh, bunga-bunga dan lada hitam.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

sebagai pengeluar dan pengeksport terbesar, hasil daripada kejayaan yang dicapai melalui aktiviti R&D yang intensif, amalan agronomi yang terbaik dan peningkatan produktiviti.

Harga purata CPO dijangka berada pada paras yang sederhana tinggi pada RM1,400 setan metrik (2004: RM1,664 setan metrik). Industri minyak sawit telah mendapat faedah daripada kedudukan bekalan minyak sayuran yang terhad dan juga permintaan yang lebih tinggi daripada China, kawasan 25-negara euro dan AS. Harga CPO dijangka meningkat berikutan harga komoditi pesaing utama yang lebih tinggi, termasuk minyak soya dan sesawi akibat peningkatan penggunaan minyak-minyak ini untuk biodisel. Oleh itu, harga CPO semakin meningkat kepada RM1,353 setan metrik pada Ogos berbanding RM1,298 setan metrik pada Februari 2005. Pada akhir Ogos 2005, paras stok minyak sawit berada pada tahap 1.33 juta tan metrik berikutan jumlah pengeluaran mengatasi eksport. Walau bagaimanapun, paras stok akan berkurangan apabila eksport minyak sawit ke AS dijangka meningkat. Ini didorong oleh keperluan pelabelan produk yang mengandungi *trans-fatty-acid* oleh AS pada Januari 2006 memandangkan minyak sawit ialah

sejenis minyak bebas *trans-fatty-acid* yang akan meningkat penggunaannya di AS. Permintaan dari kawasan euro dijangka naik disebabkan peningkatan penggunaan minyak sawit untuk biodisel.

JADUAL 2.7

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2004-2005

	Perubahan (%)			
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	3,875	3,949	1.9	1.9
Kawasan matang ('000 hektar)	3,451	3,516	4.5	1.9
Pengeluaran ('000 tan metrik)	13,976	15,300	4.6	9.5

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Pengeluaran **getah** untuk tujuh bulan pertama 2005 merosot 6.9% kepada 625,654 tan metrik (Januari-Julai 2004: 24.5%; 672,164 tan metrik), terutamanya disebabkan musim luruh yang berpanjangan yang memberi kesan kepada pengeluaran. Jumlah pengeluaran getah dijangka merosot 2% kepada 1.14 juta tan metrik pada 2005 (2004: 18.5%; 1.17 juta tan metrik) dengan keluasan tanaman yang berkurangan disebabkan pengubahan ladang getah kepada aktiviti ekonomi yang lebih lumayan dan yang kurang memerlukan tenaga buruh, kebanyakannya dengan kelapa sawit. Jumlah keseluruhan kawasan ditanam getah dianggarkan berada pada 1.25 juta hektar pada 2005 (2004: 1.28 juta hektar), penurunan 2.5%, seperti *Jadual 2.8*. Untuk mengatasi kekurangan kawasan tanaman dan pekerja, Kerajaan menggalakkan penggunaan lebih meluas Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) serta penggunaan klon yang memberikan hasil yang lebih tinggi, di samping meneruskan program

tanaman semula getah. Usaha juga diambil untuk menggabungkan kebun kecil yang tidak ekonomik kepada mini estet bagi meningkatkan kecekapan operasi dan seterusnya meningkatkan hasil getah serta meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Harga purata getah *Standard Malaysian Rubber 20* (SMR 20) dalam tempoh lapan bulan pertama 2005 meningkat 3.8% kepada RM4.84 se kg (Januari-Ogos 2004: RM4.66 se kg). Harga getah dijangka kekal kukuh seiringan dengan harga getah tiruan yang lebih tinggi kesan daripada harga minyak mentah yang meningkat dan permintaan yang tinggi daripada China dan Jerman, terutamanya untuk industri pembuatan tayar. Harga getah yang kukuh juga disebabkan penawaran yang terhad daripada pengeluar utama getah berikutan musim kemarau yang berpanjangan pada separuh pertama tahun ini.

Pengeluaran subsektor **perikanan** yang terdiri daripada pendaratan hasil laut dan tuaian akuakultur dianggarkan merosot 0.4%. Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh jumlah pendaratan ikan laut yang lebih rendah dalam separuh pertama 2005 kesan daripada tsunami pada 26 Disember 2004 dan jumlah pendaratan ikan yang lebih rendah. Walaupun dengan kekurangan pengeluaran, subsektor ini terus menyumbang kira-kira 12% kepada keseluruhan nilai ditambah sektor pertanian pada 2005.

Untuk memajukan lagi sektor perikanan, Kerajaan telah memperkenalkan langkah khusus untuk perikanan pantai dan perikanan laut dalam serta akuakultur. Perikanan laut dalam yang masih belum dieksplotasi sepenuhnya sedang diberikan tumpuan oleh Kerajaan. Pelbagai langkah telah diambil untuk membangunkan perikanan laut dalam, termasuk pengeluaran lebih banyak permit perikanan laut dalam dan menyediakan latihan kepada nelayan. Salah satu program latihan yang disediakan adalah Program Nakhoda yang dikendalikan oleh Institut Perikanan Malaysia bertujuan untuk melahirkan nakhoda bot yang berkemahiran.

Kejayaan di bidang akuakultur adalah menggalakkan dengan pengeluaran dianggarkan

JADUAL 2.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2004-2005

			Perubahan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,282	1,250	-2.5	-2.5
Kebun kecil	1,156	1,135	-1.7	-1.8
Estet	126	115	-9.4	-8.7
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,365	1,400	7.5	2.6
Estet	1,290	1,320	-3.9	2.3
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	1,168	1,145	18.5	-2.0
Kebun kecil	1,097	1,077	20.7	-1.8
Estet	71	68	-6.6	-4.2
% daripada pengeluaran dunia	13.5	13.1	66.5	-3.0

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Jabatan Perangkaan Malaysia.

BIOTEKNOLOGI-INDUSTRI PERTUMBUHAN BARU

Pengenalan

Bioteknologi ketika ini adalah satu daripada industri utama yang paling pesat berkembang dan mampu meningkatkan jaminan kepada bekalan makanan, penjagaan kesihatan serta keselamatan alam sekitar. AS adalah peneraju dalam industri ini, sementara UK, Jerman, Sweden, Australia, Jepun, India, China dan Korea turut menyertai inisiatif bioteknologi ini dan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Di peringkat global, terdapat kira-kira 5,000 syarikat bioteknologi dengan modal pasaran berjumlah USD700 bilion dan jumlah jualan tahunan sebanyak USD50 bilion. Secara keseluruhannya, syarikat bioteknologi ini mampu mewujudkan rantaian nilai pasaran yang dianggarkan berjumlah USD1.8 trilion menjelang 2010.

Menyediakan Asas bagi Bioteknologi

Malaysia meneroka dalam bidang bioteknologi mulai 1960-an dengan penglibatan mendalam oleh institusi penyelidikan kerajaan (GRIs). Pelaburan awal R&D di sektor pertanian adalah tertumpu kepada meningkatkan hasil komoditi utama seperti padi dan getah. Kemunculan syarikat bioteknologi hanya bermula pada akhir 1990-an, didorong oleh peningkatan permintaan bagi bekalan bahan makanan dan kemajuan dalam sektor perladangan. Inisiatif awal oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta di bidang biologi, agronomi dan pembiakan tanaman telah meletakkan asas kepada pembangunan industri bioteknologi, untuk menghasilkan antara lainnya, benih tanaman yang berhasil tinggi melalui pembiakan tisu kultur, amalan agronomi yang baik dan perlindungan tanaman untuk meningkatkan produktiviti dan pulangan kepada pelaburan.

Bioteknologi di Malaysia

Walaupun, industri bioteknologi masih baru di Malaysia, asas kukuh dalam bioteknologi pertanian (biopertanian) dan biodiversiti asli telah memberi kekuatan untuk meningkatkan potensi pertumbuhan tinggi sektor ini. Pengalaman Malaysia dalam memajukan komoditi utama terutamanya kelapa sawit, getah dan koko telah membina asas yang kukuh dalam biopertanian. Tambahan lagi, hutan tropika yang luas serta kaya dengan flora dan fauna boleh dijadikan sumber untuk menghasilkan produk perubatan dan kesihatan. Berdasarkan kelebihan ini, Kerajaan telah mengenal pasti tiga bidang bioteknologi untuk dikomersilkan, iaitu biopertanian, penjagaan kesihatan (termasuk farmaseutikal dan nutraseutikal) dan bioteknologi perindustrian.

Bioteknologi dalam Sektor Pertanian

Dengan anggaran nilai pasaran global berjumlah USD6 bilion pada 2005, biopertanian mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan di Malaysia. Malaysia telah berjaya menggunakan biopertanian dalam kerja praktikal kejuruteraan genetik untuk menambah baik tanaman makanan, ternakan ikan dan pengeluaran serta kualiti daging. Biopertanian juga telah meningkatkan pengeluaran hasil tanaman perladangan utama negara dan sebagai cara menghasil dan memperbanyakkan benih tanaman nanas, pisang, betik dan orkid untuk perladangan secara komersil. R&D dalam biopertanian telah membangun dan mengkomersilkan produk dan proses baru termasuk vitamin E daripada kelapa sawit, vaksin haiwan 'recombinant' berbagai jenis dan kacukan tanaman hortikultur, alat diagnostik untuk sindrom virus bintik putih pada udang dan ekstrak anti-kulat daripada gamat.

Begitu juga ternakan ikan hiasan melalui biopertanian telah berkembang daripada hanya sebagai satu hobi kepada industri yang menguntungkan di Malaysia. Pada 2004, industri ini telah mencatat peningkatan 8.8% dalam nilai eksport bersih sebanyak RM44.8 juta (2003: RM41.1 juta). Bagi tempoh separuh pertama 2005, nilai eksport bersih ini meningkat lagi sebanyak 10.2% kepada RM24.8 juta (Januari-Jun 2004: RM22.5 juta). Di peringkat global, nilai industri ini telah mencecah USD281 juta pada 2003 dan dijangka meningkat kepada USD303 juta pada 2005.

Malaysia yang kaya dengan biodiversiti yang belum diterokai juga menawarkan potensi besar untuk dikomersilkan. Penyelidikan bioteknologi yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang memberi tumpuan kepada mempertingkatkan nilai komersil pokok hutan, tumbuhan perubatan dan pokok wangi-wangian. FRIM juga telah melabel, mengkatalog dan mendokumenkan flora dan fauna negara. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama strategik antarabangsa dalam penyelidikan serta aktiviti penerokaan-bio, satu kawal-selia perlu disediakan terhadap akses kepada sumber semula jadi serta melindungi kepentingan hak negara. Bagi memastikan ia dilaksanakan, satu draf Rang Undang-Undang Akses dan Perkongsian Faedah sedang disediakan dan akan dibentangkan di Parlimen pada tahun hadapan. Kerajaan juga membuat persediaan awal untuk mengawalselia industri ini melalui Rang Undang-Undang Keselamatan-Bio yang dibentangkan pada hujung tahun ini. Rang Undang-undang ini akan meliputi R&D dalam bioteknologi, pengeluaran dan pemprosesan di Malaysia serta produk diubahsuai genetik (GMO).

Bioteknologi dalam Perubatan dan Penjagaan Kesihatan

Secara global, perubatan herba (biofarmaseutikal dan nutraseutikal) semakin terkenal dan mempunyai nilai pasaran yang dianggarkan mencapai USD200 bilion pada 2008. Malaysia, dengan hutan tropikanya, menyediakan potensi yang amat luas untuk pembangunan produk biofarmaseutikal dan nutraseutikal bagi memenuhi permintaan dunia. Dalam hal ini, penemuan kompaun bioaktif dalam tongkat ali, pegaga, kemunting china, senduduk, kacip fatimah dan misai kucing sedang dikaji dalam usaha merawat kanser, ekzema, kencing manis dan darah tinggi. Berdasarkan penemuan awal yang memberangsangkan, aktiviti penyelidikan ini dijangka akan diteruskan.

Pengkomersilan Bioteknologi

Sektor swasta adalah peneraju dalam pembangunan dan pengkomersilan bioteknologi di dunia. Di Malaysia, sektor swasta juga dijangka memainkan peranan utama. Bagaimanapun, pembiayaan untuk pengkomersilan hasil penyelidikan dan reka cipta bioteknologi masih menjadi cabaran kerana ia adalah pelaburan berisiko tinggi memerlukan modal yang besar dan tempoh matang yang panjang. Ia juga adalah pelaburan berintensif pengetahuan yang memerlukan kepakaran khusus yang mendalam. Untuk meningkatkan pengkomersilan, Kerajaan menubuhkan institusi berkaitan yang menyediakan geran-geran pra-pengkomersilan dan modal tenaka bagi prototaip, perkembangan dan pengkomersilan bagi melengkapkan pembiayaan konvensional oleh bank.

Dana berjumlah RM1 juta bilion telah disediakan melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), untuk syarikat yang terlibat dalam bioteknologi dan sains hayat. Sebanyak 14 projek bioteknologi telah diluluskan dan dikomersilkan menggunakan RM88.9 juta daripada dana ini. Pada ketika ini, 65 lagi projek bioteknologi bernilai RM615.5 juta sedang dinilai untuk dikomersilkan. Antara projek bioteknologi yang telah dikomersilkan ialah alat uji penyakit malaria, pengkomersilan campuran asli anti nyamuk, pengeluaran beras yang kaya dengan vitamin A, asid lemak, penternakan akuakultur udang harimau dan sarung tangan getah rendah protein bertepung atau bebas tepung. Sementara itu, di antara projek yang sedang dinilai ialah *pito*-farmaseutikal bagi tekanan darah tinggi dan kertas mesra alam daripada bahan buangan kelapa sawit.

Selain daripada pembiayaan bank dan modal teroka, bio-teknopreneur yang baru muncul juga boleh memohon geran daripada Geran Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) dan Geran Perolehan Teknologi (TAF) bagi pengkomersilan. CRDF menyediakan geran bagi kajian pemasaran dan penyelidikan, reka cipta dan pembangunan produk/proses, pematuan standard dan peraturan, perlindungan harta intelek (IP) dan tunjuk cara teknologi manakala TAF memudahkan perolehan bioteknologi yang strategik dan sesuai untuk sektor perindustrian.

Sebagai tambahan, bio-teknopreneur juga boleh mendapat manfaat daripada pelbagai insentif cukai. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai elaun dan insentif cukai kepada syarikat bioteknologi yang layak atau kepada syarikat induk dalam bentuk pelepasan cukai kumpulan, potongan dua kali untuk pelaburan R&D dan modal yang layak, Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, pengecualian automatik duti import dan cukai jualan atas peralatan dan bahan yang digunakan, potongan dua kali atas perbelanjaan promosi eksport dan pengecualian cukai atas dividen yang dibayar kepada pemegang saham.

INISIATIF KERAJAAN

Dasar Bioteknologi Nasional

Dasar Bioteknologi Nasional (DBN) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 April 2005 menyediakan garis panduan untuk mendorong pembangunan industri bioteknologi di Malaysia. Dasar penting ini akan memberi tumpuan kepada tiga bidang iaitu pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi perindustrian serta sembilan dasar teras. DBN akan dilaksanakan dalam tiga fasa meliputi tempoh 15 tahun, iaitu:

- a. Fasa I (2005-2010) - membinaupaya yang meliputi pendidikan dan latihan pekerja berpengetahuan, membangunkan harta intelek dan kerangka perundangan, membangunkan jenama Malaysia serta membangunkan industri dan mewujudkan pekerjaan;
- b. Fasa II (2011-2015) - meningkatkan pembangunan saintifik untuk pengkomersilan melalui pembangunan produk baru, pembangunan syarikat sampingan, pengukuhan jenama dan membangunkan keupayaan pelesenan teknologi; dan
- c. Fasa III (2016-2020) - meningkatkan pengiktirafan antarabangsa dengan menggabungkan kekuatan dan keupayaan dalam pembangunan teknologi, mengukuhkan inovasi dan pelesenan teknologi serta mempromosi syarikat Malaysia bertaraf antarabangsa.

Senarai Matlamat DBN

	Fasa I (2005-2010)	Fasa II (2010-2015)	Fasa III (2015-2020)	Jumlah
Kenyataan Dasar	Membinaupaya	Mewujudkan Perniagaan Daripada Sains	Menjadikan Malaysia <i>global player</i>	Bioteknologi untuk Menjana Kekayaan dan Kesejahteraan Sosial
Mewujudkan pekerjaan	40,000	80,000	160,000	280,000
Penubuhan syarikat	25	25	50	100
Sumbangan kepada KDNK(%)	2.5	4.0	5.0	5.0
Pertumbuhan <i>compounded</i> tahunan (%)	32.8	21.7	14.7	23.7

Sumber: Dasar Bioteknologi Nasional.

Perbadanan Bioteknologi Malaysia

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (MBC) adalah sebuah agensi setempat bermatlamat membangunkan untuk membangunkan industri biotek negara. Sebagai agensi setempat MBC akan bekerjasama dengan kementerian dan agensi yang berkaitan. Antara fungsi MBC termasuk:

- a. merangsang pengkomersilan sampingan kepada sektor swasta.
- b. memudahkan R&D dorongan pasaran dan pengkomersilan melalui pembiayaan dan perkhidmatan pembangunan industri; dan
- c. peningkatan R&D dan pengkomersilan dalam biopertanian, penjagaan kesihatan dan perindustrian bioteknologi.

Direktorat Bioteknologi Kebangsaan

Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ditubuhkan untuk mempromosi dan menyelaraskan aktiviti bioteknologi dalam negeri melalui pembangunan tenaga manusia dan pengkomersialan penemuan R&D bioteknologi sektor awam. BIOTEK juga mempromosi penyertaan sektor awam dan swasta dalam program bioteknologi kebangsaan, melalui kerjasama kerja-kerja R&D dan persumberan luar keperluan R&D sektor swasta kepada para penyelidik yang berkelayakan daripada universiti dan GRIs

BioNexus Malaysia

Di samping DBN dan MBC, Kerajaan juga menubuhkan *BioNexus Malaysia (BioNexus)*. *BioNexus* adalah satu rangkaian pusat kecemerlangan yang dibentuk berasaskan keupayaan institusi dan syarikat sedia ada yang membuat pengkhususan di bidang tertentu bioteknologi. Tiga pusat kecemerlangan telah dikenal pasti, yang mana dua daripadanya telah beroperasi menggunakan kemudahan sedia ada, iaitu:

- a. Pusat Kecemerlangan Biopertanian yang tertumpu di MARDI serta Universiti Putera Malaysia di Serdang;
- b. Pusat Kecemerlangan Genomik & Biologi Molekul, yang tertumpu di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi; dan
- c. Pusat Kecemerlangan bagi Farmaseutikal dan Nutraseutikal yang akan dibangunkan di *BioValley*, Dengkil.

BioFuel

Dasar *BioFuel* Nasional telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Ogos 2005. Dasar ini dan beberapa insentif yang berkaitan adalah bagi menggalakkan penggunaan *biofuel* sebagai alternatif kepada minyak diesel berasaskan petroleum atau fosil, meningkatkan aktiviti hiliran serta memperluaskan kegunaan serta penggunaan minyak kelapa sawit. Minyak campuran *BioFuel* B5 yang telah dipatenkan ini merupakan minyak diesel campuran 5% tapisan minyak sawit dengan 95% minyak fosil. Teknologi *biofuel* ini telah dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan dieksport ke Korea.

Permintaan bagi bahan bakar terbiodegradasi termasuk diesel sawit, oleh negara membangun seperti AS, Jepun, EU dan Korea dijangka mencecah 10.5 juta tan metrik pada 2007. Sementara negara pengeluar utama *bio-diesel* di EU menggunakan minyak daripada biji sesawi, kacang soya, bunga matahari dan minyak makan yang lain untuk menghasilkan *methyl esters* sebagai minyak. Malaysia, dengan 3.6 juta hektar ladang kelapa sawit dan lebih daripada 360 kilang minyak sawit, mempunyai kebolehan dan keupayaan serta kedudukan yang baik untuk memenuhi peningkatan permintaan global bagi bahan bakar terbiodegradasi.

Prospek

Industri bioteknologi mengalami pertumbuhan kukuh dari segi hasil, pekerjaan dan pengeluaran di seluruh dunia. Malaysia dengan kelebihan bandingannya bermatlamat menjadi peserta aktif dalam industri ini. Menjelang 2020, industri ini dijangka akan menjana sebanyak RM270 bilion dalam bentuk hasil, mewujudkan lebih kurang 280,000 pekerjaan dan membangunkan 100 syarikat. Dengan sokongan dasar dan kerangka institusi Kerajaan yang kukuh, ditambah lagi dengan pertambahan pakar teknikal serta aktiviti penyelidikan yang berterusan, bioteknologi akan menjadi salah satu sumber utama industri pertumbuhan baru untuk membantu Malaysia melonjak ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

meningkat dengan ketara sebanyak 15.4% kepada 250,000 tan metrik pada 2005. Kenaikan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh pertambahan kawasan daripada 13,844 hektar pada 2001 kepada 15,680 hektar pada 2005 melibatkan tambahan 15,650 kolam, kebanyakannya diuruskan oleh pengusaha persendirian.

Pertanian lain yang meliputi ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian dijangka berkembang 4.7% dan menyumbang hampir satu per tiga kepada nilai ditambah sektor pertanian. Ternakan yang merupakan penyumbang terbesar, dijangka tumbuh 5.2%, disebabkan kebanyakannya oleh peningkatan pengeluaran daging lembu dan kerbau (5.2%) dan kambing (4%). Pengeluaran susu segar, dijangka meningkat 6%, ayam (5.7%) dan telur ayam (3.7%). Peningkatan pengeluaran ternakan adalah kebanyakannya hasil daripada usaha FELDA, RISDA dan FELCRA Berhad, terutamanya dalam menternak lembu dan kambing di ladang kelapa sawit dan getah yang menyumbang kira-kira 12% kepada jumlah pengeluaran daging. Sementara itu, pengeluaran ternakan lembu mengikut kaedah feedlot oleh pengusaha persendirian yang merupakan penyumbang utama lebih kurang 54% dan bakinya oleh petani persendirian.

Pengeluaran koko dianggar berkembang 2.7% pada 2005 berbanding kemerosotan 7.7% pada tahun lepas. Harga Standard Malaysian Cocoa 1B (SMC 1B) dijangka lebih kukuh di sekitar RM5,000 setan metrik (Januari-Ogos 2005: RM4,812 setan metrik) berikutan tren kekurangan bekalan dunia pada 2005. Ini telah menggalakkan penanam koko untuk mengusahakan kembali tanaman mereka. Jumlah keseluruhan kawasan tanaman dijangka meningkat kecil sebanyak 0.2% kepada 678,600 hektar pada 2005. Pengeluaran padi dijangka meningkat 0.8% berikutan hasil sehektar yang lebih tinggi kepada 3 tan metrik sehektar pada 2005 (2004: 2.8 tan metrik sehektar) walaupun terdapat kemarau yang berpanjangan dalam separuh pertama 2005.

Nilai tambah **pertanian pelbagai** yang terdiri daripada buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga, lada hitam, nanas, kopra, teh dan tembakau dijangka menokok 4.5% pada tahun ini (2004:1%), terutamanya disebabkan

JADUAL 2.9

Pengeluaran Pertanian Lain
2004-2005
(‘000 tan metrik)

			Perubahan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Koko	33.4	34.3	-7.7	2.7
Ternakan				
Daging ²	230	239	3.0	4.0
Ayam	927	980	7.9	5.7
Telur ³ (juta)	7,230	7,500	0.9	3.7
Susu ⁴ (juta)	38.8	41.1	6.0	6.0
Pertanian pelbagai				
Padi	2,145	2,162	-5.0	0.8
Buah-buahan ⁵	1,142	1,207	-32.4	5.7
Lada hitam	20	20.1	-9.1	0.5
Tembakau ⁶	115	103	-4.2	-10.4
Teh	12	10	-27.3	-16.7
Sayur-sayuran	1,000	1,100	23.0	10.0
Kopra	10.3	12.0	-12.0	16.5

¹ Anggaran.

² Termasuk daging lembu, khinzir dan kambing.

³ Biji.

⁴ Liter.

⁵ Terdiri daripada belimbing, betik, nangka, ciku, durian, jambu, langsung, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, tembikai dan buah-buahan tropika lain.


⁶ Daun tembakau hijau dan kering.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi. Pengeluaran buah-buahan dijangka meningkat 5.7% pada 2005 berikutan daripada pelbagai projek dan program yang diperkenalkan oleh Kerajaan seperti Taman Tanaman Makanan Kekal, contohnya Lembah Buah-Buahan Selangor di Rawang, di samping penggunaan benih dan klon yang lebih bermutu. Usaha telah diambil untuk menggalakkan peneksportan buah-buahan, termasuk penyediaan khidmat pensijilan fitosanitari, promosi di pasaran yang berpotensi dan mengadakan perbincangan dua hala untuk mempermudah eksport ke Australia, China dan Jepun.

CARTA 2.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama



Sektor Perlombongan

Peningkatan sumbangan daripada gas asli...

Sektor perlombongan dijangka berkembang sederhana sebanyak 1.5% pada 2005 (2004: 3.9%), seperti *Jadual 2.10*. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran minyak mentah dijangka merosot disebabkan kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas kemudahan pemasangan minyak dalam separuh pertama 2005. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor ini akan disokong oleh peningkatan sumbangan pengeluaran gas asli.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2005, pengeluaran **minyak mentah** termasuk kondensat berada pada paras purata 713,300 tong sehari (tsh), merupakan pengurangan 5.9% daripada 757,900 tsh dalam tempoh yang sama tahun lepas. Berdasarkan program kerja Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) yang dirancang untuk tahun 2005, pengeluaran minyak bagi keseluruhan tahun dijangka merosot

2.4% kepada purata 743,000 tsh (2004: 761,000 tsh). Sejar dengan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi, harga Tapis Blend meningkat ke paras tertinggi USD71.86 setong pada 29 Ogos 2005. Kenaikan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan permintaan, terutamanya dari China dan India, dalam keadaan penawaran yang terhad di pasaran minyak dunia. Harga purata Light Sweet Crude, AS untuk lapan bulan pertama 2005 meningkat USD54.20 setong (Januari-Ogos 2004: USD38.21 setong) sebanyak 42%. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk pergantungan kepada minyak disel dan petrol, termasuk menggalakkan penggunaan gas asli dan memperkenalkan penggunaan biodiesel untuk kenderaan.

Pengeluaran **gas asli** berkembang 11.8% kepada 5,703 juta kaki padu standard sehari (jkps) dalam tempoh Januari-Ogos 2005 (Januari-Ogos 2004: 3.3%; 5,099 jkps). Jumlah pengeluaran untuk keseluruhan dijangka meningkat 5% kepada 5,721 jkps (2004: 5,449 jkps) selaras dengan jangkaan pertambahan medan gas asli baru

JADUAL 2.10

**Nilai Ditambah Sektor Perlombongan
2004-2006**
(pada harga benar 1987)

	RM juta			Perubahan (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Sektor perlombongan	17,372	17,632	18,453	3.9	1.5	4.7
Minyak mentah dan gas asli	16,686	16,953	17,739	4.5	1.6	4.6
Perlombongan lain	686	679	714	-8.0	-1.0	5.1

¹ Anggaran.² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 2.11

**Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli
2004-2005**

	Perubahan (%)			
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² (‘000 tong sehari)	761	743	3.1	-2.4
Simpanan (bilion tong)	3.8	4.1	-15.6	7.9
Simpanan/ pengeluaran (tahun)	17	18	6.3	5.9
Gas asli				
Pengeluaran ³ (juta kaki padu standard sehari)	5,449	5,721	8.7	5.0
Simpanan (trilion kaki padu standard)	87	85	-2.3	-2.3
Simpanan/pengeluaran (tahun)	40	37	-9.9	-7.5

¹ Anggaran.² Termasuk kondensat.³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Sumber: PETRONAS.

beroperasi. Untuk lapan bulan pertama 2005, tiga medan gas baru telah ditemui. Ini adalah Bunga Kesumba, terletak di luar persisir pantai timur Semenanjung Malaysia serta Golok Barat dan Belum, di luar persisir Sarawak.

Sektor Pembinaan


Sektor pembinaan menguncup...

Sektor pembinaan terus mencatatkan penguncupan dalam tempoh enam bulan pertama 2005 iaitu pada kadar 2.2% (Januari-Jun 2004: -0.3%) disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, aktiviti subsektor kediaman kekal cergas sementara subsektor bukan kediaman terus berkembang berikutan keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna yang terus kukuh. Bagi keseluruhan tahun 2005, sektor ini dijangka mencatatkan penguncupan yang lebih kecil iaitu 1.1% (2004: -1.5%) berikutan peningkatan aktiviti kejuruteraan awam pada separuh kedua tahun.

Aktiviti subsektor **kejuruteraan awam** berkurangan dalam tempoh enam bulan pertama 2005, disebabkan sebahagiannya oleh bilangan dan nilai kontrak infrastruktur yang diberi yang lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun

CARTA 2.6

Pertumbuhan Sektor Pembinaan, Perbelanjaan Pembangunan dan Kontrak Infrastruktur yang Diberi




¹ Kementerian terpilih.

Sumber: Pelbagai agensi.

CARTA 2.7

Penunjuk Penawaran Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

lepas. Pertambahan aktiviti pembinaan sektor swasta, terutamanya dalam kerja-kerja tempaan industri minyak dan gas serta projek penggantian dan pemasangan paip air, telah mengurangkan kesan kejatuhan mendadak aktiviti kejuruteraan awam. Antara projek besar yang sedang dalam pembinaan ialah projek Terowong Pengurusan Banjir dan Lalu Lintas Kenderaan (SMART) untuk tebatan banjir dan penyuraian trafik di Kuala Lumpur, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, kerja menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan pembinaan Terminal Pengangkut Kos Rendah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Di samping itu, pelaksanaan kerja penyelenggaraan ke atas kemudahan infrastruktur awam sedia ada bernilai RM500 juta dijangka turut menyokong pertumbuhan subsektor ini.

Aktiviti **subsektor kediaman** sebaliknya, kekal cergas dalam tempoh enam bulan pertama 2005 berikutan keadaan ekonomi dan perniagaan yang menggalakkan, peningkatan pendapatan isi

rumah, pakej pinjaman serta kadar faedah yang menarik dan keadaan pasaran buruh yang baik. Di samping itu, peningkatan kelompok pekerja muda juga menyokong permintaan unit kediaman. Kediaman meningkat 95,858 unit dalam tempoh enam bulan pertama 2005 dan ini menyumbang kepada peningkatan 2.8% stok kediaman sedia ada kepada 3.558 juta unit. Kediaman mula dibina menokok 5.9% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 2004: 2.1%) dengan 83.5% daripadanya terdiri daripada unit-unit rumah teres dan bertingkat. Jualan skim perumahan baru berharga RM250,000 dan ke atas mengukuh kepada 32% pada enam bulan pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 19.1%), disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kecenderungan pembeli kepada kediaman lebih berkualiti serta bercirikan gaya hidup baru. Pada suku kedua tahun 2005, harga unit kediaman terus meningkat, walaupun sederhana seperti yang ditunjukkan oleh kenaikan 1.7% dalam Indeks Harga Rumah (S2 2004: 5.7%).

Bagi segmen **bukan kediaman**, ruang pejabat meningkat 522,231 meter persegi (m.p.) dan merupakan 3.7% daripada stok berjumlah 14.004 juta m.p. pada akhir Jun 2005 (akhir Jun 2004: 432,761 m.p.; 3.2%; 13.482 juta m.p.) dengan sebahagian besar daripadanya terletak di Lembah Klang. Kadar penghunian ruang pejabat kekal tinggi pada 83% dalam tempoh tersebut (akhir Jun 2004: 82.1%), dirangsang oleh prestasi sektor swasta yang lebih kukuh, terutamanya perniagaan berkaitan perkhidmatan, termasuk pemindahan ibu pejabat serantau dan operasi syarikat asing. Sementara itu, stok sedia ada pusat membeli belah bertambah 304,430 m.p. atau 4.1% daripada stok berjumlah 7.281 juta m.p. pada akhir Jun 2005 (akhir Jun 2004: 600,049 m.p.; 8.6%; 6.976 juta m.p.). Kadar penghunian pusat membeli belah meningkat kepada 80.2% (akhir Jun 2004: 78.9%) berikutan keadaan perniagaan yang menggalakkan dan peningkatan perbelanjaan pengguna.


Urus niaga harta meningkat 0.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2005 dengan nilainya mencecah RM28,508 juta (Januari-Jun 2004:

41.9%; RM28,139 juta). Urus niaga kediaman susut 1.3% pada tempoh berkenaan sementara subsektor industri menokok 9%, komersil (7.6%) dan pertanian (4.4%). Jumlah keseluruhan urus niaga harta melibatkan warga asing meningkat 51.3% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2005 dengan nilainya mencecah RM7,553 juta (Januari-Jun 2004: 78.3%; RM6,917 juta). Urus niaga kediaman melibatkan warga asing meningkat tinggi pada kadar 50.8% dengan nilai RM2,161 juta dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 2004: 87.2%; RM879 juta).


Memandangkan peluang pembinaan dalam negeri yang terhad pada dua tahun kebelakangan ini, syarikat pembinaan tempatan yang telah memperoleh pengalaman dan membina reputasi tinggi sewaktu ekonomi mencatat pertumbuhan pesat kini telah meneroka pasaran luar negara. Dari tahun 1987 hingga Jun 2005, syarikat-syarikat pembinaan Malaysia telah menyiapkan 246 projek bernilai RM13.1 bilion di luar negara sementara 50 projek lagi bernilai RM13.9 bilion sedang dilaksanakan. Sebahagian besar daripada projek-projek berkenaan adalah di India

CARTA 2.8

Penunjuk Penawaran Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).



serta negara-negara Teluk dan ASEAN melibatkan pembinaan lebuhraya, unit kediaman dan juga bangunan komersial.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan yang mantap...

Sektor perkhidmatan terus memainkan peranan penting dalam ekonomi. Pada 2005, aktiviti dalam sektor perkhidmatan dijangka terus berkembang 5.8% (2004: 6.8%), lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK dan keseluruhan subsektor mencatatkan pertumbuhan positif. Oleh yang demikian, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka lebih tinggi pada 57.8% (2004: 57.4%), mengekalkan kedudukannya sebagai sektor terbesar dalam ekonomi dengan potensi besar dalam bidang pertumbuhan baru. Pertumbuhan dipacu sebahagian besarnya oleh peningkatan kukuh dalam semua subsektor dengan **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** merekodkan pertumbuhan tertinggi

sebanyak 7.4% (2004: 8.5%). Pencapaian mantap dalam perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; serta kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka terus mengukuhkan lagi pertumbuhan keseluruhan sektor perkhidmatan.

Pertumbuhan dalam **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** didorong terutamanya oleh peningkatan perdagangan dan aktiviti berkaitan perjalanan serta perkembangan berterusan industri telekomunikasi. Semua jenis pengangkutan dijangka meningkat berikutan peningkatan kekerapan penerbangan, tambahan rangkaian dan destinasi, penambahbaikan infrastruktur pengangkutan khususnya pelabuhan dan jalan raya serta pertambahan kapasiti muatan berikutan pertumbuhan pesat aktiviti pelancongan dan perdagangan. Kemunculan perkhidmatan berkaitan pembuatan yang baru seperti ibu pejabat operasi (OHQ), pusat logistik dan pengedaran serantau (RDC) serta pusat perolehan antarabangsa (IPC) terus menyokong pertumbuhan sektor ini.

JADUAL 2.12

Prestasi Sektor Perkhidmatan 2004-2006 (pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Sumbangan kepada KDNK (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Elektrik, gas dan air (utiliti)	8.1	6.3	6.1	4.1	4.2	4.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	8.5	7.4	7.1	8.8	9.0	9.1
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	6.3	5.3	5.4	15.1	15.1	15.1
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	7.1	6.9	6.5	14.3	14.6	14.7
Perkhidmatan kerajaan	6.5	3.5	5.1	7.3	7.2	7.2
Perkhidmatan lain	4.9	5.0	5.9	7.8	7.8	7.8
Jumlah	6.8	5.8	6.1	57.4	57.8	58.1

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

PERKHIDMATAN PERKONGSIAN DAN PENYUMBERAN LUAR: MELEVERAJ POTENSI MALAYSIA

Latar Belakang

Perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services and outsourcing* - SSO) merupakan sumber baru pertumbuhan ekonomi Malaysia. Industri ini telah berkembang pesat sejak beberapa tahun yang lalu dan telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai hab penyumberan luar yang diiktiraf dunia. Menurut kajian oleh Deloitte, pada 2005, Malaysia berada di tempat pertama dalam khidmat sokongan pelanggan dan perkhidmatan pemprosesan operasi sokongan mengatasi Bangalore.

Istilah "SSO" merangkumi aktiviti penyumberan luar dan penyumberan luar pesisir. Perkhidmatan perkongsian merupakan satu cara kegiatan perkhidmatan guna sama yang disediakan oleh satu organisasi berlandaskan ekonomi bidangan, umpamanya menguatkan penyumberan luar dan pusat panggilan. Penyumberan luar pula adalah penggunaan sumber luar dari struktur organisasi yang lazimnya adalah untuk mengurangkan kos dan mengeksploitasi kompetensi entiti lain. Penyumberan luar pesisir pula adalah pembekalan perkhidmatan dari sesebuah negara yang berjauhan daripada pelanggan seperti perkhidmatan yang dibekalkan kepada syarikat di Amerika Syarikat (AS) oleh pembekal perkhidmatan di negara membangun.

Mengimbas kembali sejarah industri SSO, pelaburan besar dalam infrastruktur ICT dunia pada 1990-an merupakan penggerak utama pertumbuhan industri ini. Keperluan untuk meningkatkan keuntungan dan pulangan ke atas pemegang saham telah mendorong syarikat-syarikat besar dari negara maju mendapatkan khidmat proses perniagaan dari negara asing yang mempunyai struktur kos yang rendah bagi mengurangkan kos operasi syarikat. Masalah perisian "Y2K" pada 2000 juga sering dikaitkan sebagai gelombang pertama industri SSO yang membawa kepada pembabitan India untuk pertama kalinya. Sehingga kini, hampir 350,000 pekerja terlibat dalam industri ini di India dan ia dijangka berkembang 41% setahun.


Industri SSO mampu mengurangkan jurang ekonomi antara negara maju dan negara membangun yang lebih maju melalui pemilihan infrastruktur dan kemahiran yang bersesuaian. Strategi-strategi pembangunan SSO yang menjadi satu keperluan bagi memastikan daya saing, semakin mendapat momentum dan akan terus mendominasi strategi perniagaan pada masa depan. Pada penghujung tahun lalu, sekurang-kurangnya 400 daripada syarikat *Fortune 500* menggunakan perkhidmatan luar pesisir. Di negara membangun, adalah dijangkakan sebanyak 3.5 juta peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dalam industri SSO untuk beberapa tahun yang akan datang.

Industri SSO global, kini menuju ke tahap kematangan. Syarikat-syarikat global mula memberi penekanan kepada faktor-faktor lain seperti *soft skills* dan kestabilan ekonomi. Berdasarkan kepada kriteria ini, juru perunding antarabangsa A.T. Kearney membuat penilaian peringkat global dan penarafan SSO di pelbagai negara pada 2004. Laporan tersebut meletakkan Malaysia di tangga ketiga dunia dari segi kedudukan SSO, seperti *Carta 1*. Malaysia kini berusaha ke arah memperkukuhkan kelebihan daya saingnya dalam industri SSO berikutan pertumbuhan global industri ini yang dijangka melepasi 8% dan bernilai USD750 bilion menjelang 2006.

Persekitaran Industri SSO

Negara seperti India, China dan Filipina yang merupakan hab tradisional industri SSO, kini menguasai 50% industri tersebut pada peringkat global. Malaysia juga semakin menguasai pasaran bagi SSO. Antara faktor yang memberi kelebihan kepada Malaysia adalah infrastruktur kelas pertama, struktur kos yang kompetitif, persekitaran perniagaan yang kondusif, sokongan kuat oleh kerajaan, tenaga kerja yang boleh bertutur Bahasa Inggeris dan yang paling utama adalah kestabilan politik negara.

CARTA 1:

Indeks Daya Tarikan Lokasi Luar Pesisir A.T. Kearney (2004)

Kajian oleh Deloitte bertajuk "The Asian Advantage in the Outsourcing Revolution" pada 2005 menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang perlu diberi perhatian dalam bidang SSO. Laporan tersebut memberi penilaian yang baik kepada Malaysia dan menjadi cabaran kepada hab SSO tradisional. Laporan berkenaan menempatkan Malaysia di tangga pertama dalam dua daripada lima kategori perkhidmatan perkongsian, iaitu perkhidmatan sokongan pelanggan dan pemprosesan operasi sokongan. Malaysia menduduki tempat kedua dalam pengurusan rantai bekalan, ketiga dalam sokongan IT dan keempat dalam *analytics*. Laporan tersebut juga mengiktiraf bahawa kelebihan yang dimiliki oleh Malaysia didorong oleh kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC). Jumlah pekerja berpengetahuan yang ramai di Malaysia juga dijangka bertambah dalam tahun mendatang disokong oleh bilangan penduduk di bawah umur 25 tahun yang besar sebanyak 40% dan kadar celik huruf sebanyak 95.1%. Prospek Malaysia adalah menggalakkan dalam industri ini seperti dalam laporan A.T. Kearney iaitu "Malaysia is an often overlooked, but natural choice for offshore services."

Koridor Raya Multimedia: Pencetus Industri SSO Malaysia

Pertumbuhan pesat industri SSO di MSC didorong terutamanya oleh perkhidmatan luar pesisir yang merupakan satu fenomena baru. Pertumbuhan ini disokong oleh projek luar pesisir yang berpindah dari negara maju dan berkos tinggi ke negara berkos rendah. Aktiviti luar pesisir didorong terutamanya oleh proses yang secara tradisionalnya menggunakan penyumberan luar seperti pusat khidmat sokongan panggilan, sokongan IT serta pemprosesan operasi sokongan. Kelebihan MSC yang ketara merupakan pendorong kepada kemasukan Industri SSO ke Malaysia. Sehingga kini, 48 syarikat yang terlibat dengan SSO telah diberikan taraf MSC dan menyumbang 12,000 peluang atau 40% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di MSC. Pada akhir 2004, pendapatan syarikat SSO di MSC ialah RM2.04 bilion dan dianggarkan meningkat 30% dengan nilai melebihi RM2.58 bilion pada akhir 2005. Berdasarkan kepada pertumbuhan yang memberangsangkan, industri SSO telah menjadi tonggak kepada pembangunan MSC.

Bilangan syarikat dijangka akan terus berkembang terutamanya dengan kehadiran syarikat-syarikat besar yang telah memulakan proses perniagaan penyumberan luar (BPOs) di Malaysia seperti DHL, IBM, Hong Kong and Shanghai Banking Corporation (HSBC), Standard Chartered Bank, Shell, Motorola dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT). Pembabitan HSBC di MSC adalah besar dan pada 2004 sahaja telah mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dalam pemprosesan dan perkhidmatan pelanggan untuk kumpulannya, termasuk di AS, Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. Kumpulan Shell juga menjadikan Malaysia sebagai pusat sokongan IT globalnya dengan kekuatan tenaga kerja seramai 1,000 orang yang terdiri daripada 90% rakyat Malaysia.

CARTA 2:

Fasa-fasa Industri SSO



Infrastruktur Teknologi	Sistem automasi yang menyokong aplikasi perniagaan yang merentasi pelbagai negara
Aplikasi Perniagaan	Perkhidmatan pembangunan dan penyenggaraan perisian bagi aplikasi ICT yang digunakan dalam perniagaan
Proses Perniagaan	Pelbagai fungsi perkhidmatan operasi pejabat. Boleh dikategorikan sebagai aktiviti teras (khusus kepada perniagaan tertentu) dan bukan teras
Pengurusan & Integrasi Perniagaan	Pengurusan projek besar berimpak tinggi dan operasi-operasi merentasi pelbagai rantau
Transformasi Perniagaan	Aktiviti perkhidmatan bernilai tinggi yang memerlukan eksekutif dan ahli teknologi yang berpengalaman dalam industri global yang khusus

Malaysia semakin diiktiraf dunia sebagai pembekal tenaga kerja berpengetahuan dan berkualiti tinggi pada kadar upah yang kompetitif dalam persekitaran perniagaan yang menarik. Malaysia kini sedang memasuki gelombang seterusnya iaitu proses pengetahuan penyumberan luar (*Knowledge Process Outsourcing* – KPO), seperti *Carta 2*. KPO merupakan integrasi dan pengurusan perniagaan serta transformasi perniagaan yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk berurusan dalam persekitaran yang semakin kompleks dan mencabar.

Sementara itu, saiz dan kecanggihan pasaran SSO global terus berkembang selaras dengan kematangan industri. Sejajar dengan pertumbuhan dan kemajuan ke arah gelombang seterusnya, permintaan terhadap aktiviti nilai ditambah yang tinggi dijangka semakin meningkat. Dengan itu, perkembangan ini akan menambahkan lagi permintaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Bagi memastikan kesinambungan negara sebagai pusat utama SSO, Malaysia perlu dilengkapi serta bersedia untuk terlibat dalam industri terkhas SSO pada masa depan.

Merealisasi Potensi Malaysia

Pada 2004, sektor perkhidmatan telah menyumbang 57.4% kepada KDNK dan 50.3% kepada jumlah keseluruhan tenaga kerja. Berdasarkan tanda aras negara maju yang menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan menyumbang lebih daripada 70% kepada KDNK, sektor ini yang merangkumi pelbagai aktiviti, berpotensi tinggi untuk terus dimajukan di Malaysia. SSO merupakan komponen sektor perkhidmatan yang semakin berkembang serta dijangka menjadi salah satu penyumbang utamanya.

Malaysia perlu melaksanakan beberapa strategi bagi memastikannya terus berada di barisan hadapan industri SSO. Strategi pertama, menjenamakan Malaysia sebagai hab global utama bagi aktiviti SSO. Lantaran itu, kesedaran mengenai daya saing Malaysia di pasaran antarabangsa perlu dipertingkatkan secara signifikan. Kempen dan promosi antarabangsa akan dilakukan untuk menonjolkan penjenamaan Malaysia yang unik iaitu “The Best of All Worlds”. Kerajaan telah mengenal pasti aspek-aspek khusus untuk operasi SSO bersandarkan kepada kekuatan sedia ada seperti multimedia kreatif, perkhidmatan Pan-Asian (umpamanya kepelbagaian bahasa dan pusat sokongan perhubungan) di samping kesinambungan perniagaan dan sektor khusus, seperti tenaga, kewangan, logistik dan teknologi tinggi untuk pembangunan.

Strategi kedua, Kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi membolehkan negara memainkan peranan utama dalam industri SSO. Untuk jangka masa panjang, modal insan yang dibangunkan mestilah berdaya tahan dan fleksibel dalam menghadapi perubahan permintaan. Selaras dengan perkembangan ini, Kerajaan berpendapat bahawa perubahan dalam sistem pendidikan merupakan satu pra-syarat penting. Kaedah mengajar dan pembelajaran yang baru diperlukan untuk melahirkan pelajar berfikiran kreatif, berani mengambil risiko dan berfikiran terbuka. Tambahan pula, modal insan sepatutnya mempunyai fleksibiliti dan ketangkasan untuk mampu bersaing dalam pasaran global.

Strategi ketiga negara ialah memantapkan vendor pihak ketiga melalui inisiatif “Outsourcing Malaysia”. Ianya akan dilaksanakan dengan pemberian insentif kepada pembekal khidmat penyumberan luar tempatan agar mereka memperoleh pelbagai kompetensi bertaraf dunia serta menarik masuk perniagaan penyumberan luar melalui operasi berskala besar. Kehadiran syarikat multinasional (MNCs) akan memainkan peranan sebagai pelanggan utama untuk vendor pihak ketiga tempatan. Syarikat tempatan seperti SnT Global yang terlibat dalam pengurusan pembekalan rantai, EPIC-I dan Symphony House yang terlibat dalam proses berkaitan dengan kewangan, Vsource dan Scicom dalam pusat panggilan telah bergiat secara aktif dalam perniagaan penyumberan luar. Anggaran hasil yang diperoleh syarikat-syarikat ini telah mencapai sekitar RM300 juta pada 2004.

Kesimpulan

Komitmen Kerajaan bagi memastikan negara terus berada di barisan hadapan industri SSO terbukti dengan strategi-strategi untuk menggunakan kelebihan kompetensi teras yang ada serta membina satu ekosistem yang menyokong perkembangan industri ini. Strategi ini akan mempercepatkan kemajuan negara ke arah aktiviti bernilai tinggi dalam gelombang seterusnya. Dengan itu menjadikan Malaysia sebagai pilihan yang tepat bagi industri SSO.

Penunjuk prestasi utama bagi subsektor ini menggambarkan pertumbuhan yang kukuh pada 2005. Dalam tempoh separuh pertama 2005, bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 7.5% (Januari-Jun 2004: 6.4%), manakala hasil komuter rel meningkat 9.5% (Januari-Jun 2004: 13.6%). Bagi perkhidmatan pelabuhan, jumlah keseluruhan kendalian kontena di pelabuhan utama meningkat 3.3% kepada 5.8 juta *twenty-foot equivalent unit (TEU)* (Januari-Jun 2004: 15.9%; 5.6 juta TEU). Perkhidmatan nilai ditambah yang diperkenalkan oleh pengendali pelabuhan, termasuk mengembangkan *distriparks* dan kemudahan sokongan, infrastruktur pelabuhan yang lebih bersepadu, perkhidmatan yang komprehensif dan ketibaan kapal dari syarikat perkapalan utama telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan keseluruhan aktiviti pelabuhan. Sebagai contoh, Westport di Pelabuhan Kelang telah menubuhkan perkhidmatan kapal tunda dan pemalimannya sendiri untuk pengendalian kapal bagi memendekkan masa menunggu. Dari segi infrastruktur pelabuhan yang bersepadu, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor telah membangunkan zon bebas seluas 400 hektar di persekitarannya yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur multimodal. Selain itu, PTP telah membangunkan hab pengedaran halal antarabangsa dalam kawasan zon bebasnya yang memberi tumpuan kepada aktiviti yang melibatkan pengedaran produk halal serantau dan antarabangsa. Selepas lima tahun beroperasi, PTP telah berjaya menjadi terminal kontena terbesar di Malaysia dan telah dianugerahkan '*Container Terminal of the Year*' semasa *Asia Logistics Awards*, 2004. Begitu juga, Northport di Pelabuhan Kelang telah menubuhkan Pusat Transit Kenderaan yang memberi perkhidmatan sebagai hab pengedaran kenderaan bagi rantau ASEAN. Laporan pengangkutan maritim oleh *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* pada 2004 meletak Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan ke-12 terbesar di dunia dari segi jumlah kendalian kontena (juta TEU), manakala PTP pula di tempat ke-16 terbesar.

Bagi **pengangkutan udara**, kemunculan syarikat penerbangan tambang murah telah meningkatkan kemampuan perjalanan pengguna. Di samping itu, strategi pemasaran yang agresif terutamanya

bagi pasaran baru oleh syarikat penerbangan dan agensi pelancongan telah meningkatkan bilangan penumpang sebanyak 14.5% kepada 10.9 juta pada separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 24.2%; 9.5 juta). Pertambahan penumpang udara di KLIA dijangka meningkat 6.6% kepada 22.5 juta pada 2005 (2004: 20.6%; 21.1 juta). Peningkatan jumlah ini di KLIA didorong oleh pertumbuhan kukuh aktiviti syarikat penerbangan tambang murah, ketibaan pelancong yang tinggi dan peningkatan kekerapan penerbangan oleh beberapa syarikat penerbangan antarabangsa dan juga pendaratan syarikat penerbangan antarabangsa yang baru. Pengendalian kargo udara mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 12.1% pada separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 9.9%), hasil daripada promosi yang agresif dan pengembangan perkhidmatan syarikat penerbangan tertentu seperti peningkatan kekerapan penerbangan dan destinasi kargo. Pengeksport telah meningkatkan penggunaan kargo udara bagi penghantaran dan persinggahan untuk memperoleh faedah dari kadar yang lebih kompetitif dan penghantaran yang cepat tepat pada masanya serta memenuhi keperluan khas keluaran segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, bunga keratan dan makanan beku.

Industri **komunikasi** terus mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 9.7% bagi tempoh separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 10.1%), berikutan perkembangan pesat dalam segmen telefon mudah alih, perkhidmatan Internet dan jalur lebar. Sehingga akhir Jun 2005, bilangan pelanggan telefon mudah alih meningkat 33.5% kepada 16.6 juta (akhir Jun 2004: 24.8%; 12.4 juta), mencatatkan 63.3% kadar penembusan. Ciri-ciri intrinsik telefon ini dengan pengenalan penggunaan baru dan inovatif yang kerap serta harga yang lebih murah yang mana sejajar dengan gaya hidup terkini, terus meningkatkan popularitinya sebagai alat komunikasi. Kadar caj yang kompetitif bagi talian pasca bayar dan prabayar serta perkhidmatan pesanan pendek (SMS), aplikasi multimedia dan penggunaan SMS yang inovatif dan meluas telah menggalakkan lagi penggunaan telefon mudah alih. Sehubungan itu, jumlah SMS telah meningkat dengan ketara kepada 7,394 juta bagi tempoh separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 4,084 juta). Sebaliknya, bilangan pelanggan talian tetap terus berkurangan 4.9% kepada 4.3 juta (akhir Jun

2004: -1.6%; 4.5 juta) meskipun ia menawarkan kadar caj yang lebih rendah berbanding dengan talian pasca bayar dan prabayar serta liputan dan perkhidmatan yang lebih baik. Sehingga akhir Jun 2005, bilangan pelanggan Internet meningkat 14.5% kepada 3.6 juta (akhir Jun 2004: 14.2%; 3.1 juta) dan bilangan pengguna Internet juga sebanyak 14.5% kepada 10.7 juta yang merupakan 41% daripada jumlah penduduk (akhir Jun 2004: 14.2%; 9.4 juta; 36.6%). Sementara itu, perkhidmatan jalur lebar meningkat dengan ketara sebanyak 103.2% kepada 353,978 pelanggan (akhir Jun 2004: 225.1%; 174,234) sejajar dengan kemajuan yang dicapai ke arah sebuah masyarakat dan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat 5.3% pada 2005 (2004: 6.3%), disokong oleh aktiviti pinjaman bank, insurans dan perkhidmatan perniagaan yang lebih tinggi. Aktiviti pinjaman bank kekal kukuh didorong oleh perbelanjaan penggunaan yang mantap serta pengembangan aktiviti pelaburan swasta yang berterusan dengan jumlah permohonan pinjaman mencatatkan pertumbuhan 15.6%, kelulusan 7.4% dan pengeluaran 9% bagi tempoh separuh pertama 2005. Premium insurans meningkat secara mendadak, dirangsang oleh permintaan pengguna yang kukuh terhadap produk insurans hayat berkaitan pelaburan dan endowmen. Premium insurans konvensional meningkat 8.6%, manakala premium takaful meningkat 50.6% dalam tempoh tersebut.

Momentum pertumbuhan dalam **subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** dijangka kekal sebanyak 6.9% pada 2005 (2004: 7.1%), berikutan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah, penggunaan domestik yang kukuh serta jumlah ketibaan pelancong yang tinggi dan pembukaan *outlet* baru perniagaan runcit. Manakala, perbelanjaan pengguna yang kukuh, aktiviti ekonomi dalam negeri yang cergas serta pengenalan kepada konsep peruncitan yang kreatif dan inovatif telah menyokong pertumbuhan perdagangan runcit. Tambahan pula, penjualan runcit juga telah mendapat manfaat daripada peningkatan jumlah pelancong asing yang juga membeli belah. Pada 2005, pelancong dijangka berbelanja sebanyak

RM8,500 juta untuk membeli belah di Malaysia, yang merupakan peningkatan 28.8% berbanding RM6,600 juta pada 2004. Industri runcit dijangka mendapat faedah dengan ketibaan lebih ramai pelancong yang mempunyai kuasa berbelanja tinggi hasil daripada promosi pelancongan yang agresif dan kempen pemasaran di pasaran terkhas, terutamanya di Asia Barat dan Afrika Selatan.

Liberalisasi beransur-ansur industri peruncitan yang membolehkan pasar raya besar milik asing membuka *outlet*nya di Malaysia dijangka merencanakan lagi pertumbuhan industri ini. Pasar raya besar milik asing semakin popular di kalangan rakyat Malaysia dan dapat menarik pelanggan dengan konsep serba lengkap, moden, selesa dan harga yang berpatutan. Pada masa ini, terdapat empat syarikat pasar raya besar milik asing yang mengendalikan 37 buah pasar raya di bandar-bandar utama, terutamanya di Lembah Kelang, Johor Bahru dan Pulau Pinang berbanding hanya 14 *outlet* pada 1999. Beberapa cawangan pasar raya besar yang baru juga dijangka dibuka di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.


Industri **pelancongan** terus mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang pendapatan tukaran asing kedua terbesar. Berikutan dengan promosi yang agresif di pasaran baru dan bukan tradisional, terutamanya di Asia Barat serta peningkatan bilangan persidangan dan pameran antarabangsa yang diadakan di negara ini, jumlah ketibaan pelancong meningkat 3.5% kepada 8.2 juta pada separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 71.7%; 7.9 juta). Seterusnya, kadar purata penginapan hotel meningkat kepada 61% (Januari-Jun 2004: 59.7%). Dari segi bahagian pasaran, pelancong dari rantau ASEAN terutamanya dari Singapura mencatatkan 60%, Thailand (11.4%) dan Indonesia (5.5%) daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong. Ketibaan pelancong tertinggi mengikut bulanan dicatatkan pada Mac 2005 dengan jumlah 1.42 juta.

Berdasarkan purata bulanan ketibaan pelancong seramai 1.37 juta pada tempoh separuh pertama 2005 (purata 2004: 1.31 juta pelancong sebulan), ketibaan pelancong bagi keseluruhan 2005 dijangka mencecah 16.7 juta atau peningkatan sebanyak 6.4% (2004: 15.7 juta; 48.5%).

CARTA 2.9


Industri Pelancongan

Pertumbuhan Ketibaan Pelancong, Kadar Penginapan Hotel dan Pendapatan daripada Pelancong



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Ketibaan Pelancong Mengikut Negara



Perbelanjaan pelancong pada 2005 dijangka meningkat 11.8% kepada RM33,200 juta. Selain daripada peningkatan sumbangan dalam segmen pelancong asing, industri pelancongan juga dijangka mendapat manfaat dari pelancongan dalam negeri, berikutan pelaksanaan bekerja lima hari seminggu.

Pertumbuhan **subsektor perkhidmatan Kerajaan** dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.5% (2004: 6.5%). Perkembangan ini sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi termasuk peningkatan elaun perumahan bagi beberapa kategori anggota perkhidmatan awam dalam tahun tersebut serta bayaran kepada golongan profesional dan perkhidmatan teknikal.

Selaras dengan perkembangan sederhana aktiviti pembuatan dan pengekalannya dalam negeri, **subsektor utiliti** dijangka meningkat 6.3% (2004: 8.1%) dengan menyaksikan peningkatan

dalam permintaan bekalan elektrik bagi kesemua kategori pengguna iaitu subsektor industri, komersial dan isi rumah. Permintaan maksimum terhadap bekalan elektrik adalah tertinggi pada tahap 12,493 megawatt (mw) pada Mei 2005. Jualan elektrik meningkat sebanyak 5.5% dalam tempoh separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 8.9%)

Perkhidmatan lain yang terdiri daripada perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian serta sewa tertaksir daripada kediaman yang didiami sendiri oleh pemilik, dijangka mencatat peningkatan sebanyak 5% pada 2005 (2004: 4.9%). Pertumbuhan dalam subsektor ini sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan swasta. Usaha yang berterusan dalam mempromosikan pelancongan kesihatan dan pendidikan telah memberi manfaat yang ketara kepada subsektor ini. Sehingga kini, terdapat 35 hospital swasta yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada pesakit tempatan

dan asing. Dengan harga yang kompetitif serta perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, sektor ini dijangka terus berkembang dan menjana sebanyak RM400 juta dalam pertukaran asing pada 2005 (2004: RM105 juta). Begitu juga, selain daripada 17 universiti awam, bilangan institusi pengajian tinggi swasta di negara ini telah meningkat kepada 559 buah, di mana 26 daripadanya telah diberikan taraf universiti. Jumlah pelajar asing yang meneruskan pengajian di Malaysia dijangka meningkat 22.9% dan mencecah seramai 50,000 orang pada akhir 2005 (2004: 26.1%; 40,686 orang).

Prestasi Eksport

Eksport terus kukuh...

Pendapatan eksport kasar Malaysia kekal kukuh walaupun perdagangan dunia berkembang sederhana. Pendapatan ini dijangka berkembang 10.8% pada 2005 (2004: 20.8%), berikutan pertumbuhan memberangsangkan 10.7% yang dicatatkan di dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, seperti *Jadual 2.13*. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan 10.4% eksport barangan pembuatan (2004: 19.6%), hasil daripada peningkatan permintaan bagi produk elektronik, terutamanya komputer peribadi (PC) dan juga produk ICT. Begitu juga peningkatan permintaan bagi barangan berasaskan sumber

dijangka terus memacu eksport produk bukan elektronik. Eksport bagi komoditi utama dijangka meningkat 11.6% (2004: 20.2%), disebabkan oleh peningkatan 19.7% bagi eksport komoditi mineral utama dan 1.7% eksport komoditi pertanian utama.

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport barangan pembuatan sederhana, dijangka meningkat pada separuh kedua 2005...

Eksport barangan pembuatan, iaitu penyumbang terbesar pendapatan eksport bagi Malaysia, berkembang sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 berikutan pengurangan permintaan terhadap E&E sejak suku keempat 2004, selaras dengan kitaran menurun permintaan dunia terhadap separa konduktor. Eksport E&E meningkat 8.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 17.4%), disumbang sebahagian besarnya oleh peningkatan pendapatan eksport kelengkapan dan alat ganti elektronik. Sementara itu, eksport produk bukan E&E termasuk petroleum dan kelengkapan pengangkutan terus berkembang dengan pertumbuhan dua angka dan meningkatkan sumbangan produk bukan E&E kepada jumlah eksport barangan pembuatan kepada 35.1% (Januari-Julai 2004: 34.6%).

JADUAL 2.13


Eksport Kasar Januari-Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Barangan pembuatan	221,918	242,421	20.8	9.2	82.7	81.6
Barangan pertanian	18,067	18,930	8.0	4.8	6.7	6.4
Barangan perlombongan	20,681	27,321	26.7	32.1	7.7	9.2
Lain-lain	7,550	8,276	51.7	9.6	2.9	2.8
Jumlah	268,216	296,910	21.2	10.7	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 2.10

Bahagian E&E dan Bukan E&E kepada Jumlah Eksport Pembuatan (% bahagian tahunan)




¹ Januari-Julai

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 2.11

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eksport **E&E** dijangka bertambah baik dalam tempoh tahun 2005 dengan jualan separa konduktor dunia telah menunjukkan pemulihan dan mencatat peningkatan 5.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005. Tambahan pula, nisbah *book-to-bill* industri separa konduktor juga menunjukkan arah aliran yang meningkat dengan jangkaan pertambahan permintaan terhadap produk berkaitan ICT. *Semiconductor Industry Association* AS mengunjurkan pertumbuhan jualan sebanyak 6% dalam industri separa konduktor dunia bagi 2005 (2004: 28%). Dengan demikian, permintaan kepada eksport E&E Malaysia juga dijangka turut berkembang untuk tahun ini. Penggerak utama kepada pertumbuhan E&E ialah komputer peribadi dan produk optoelektronik (telefon bergerak berkualiti tinggi dan berkamera, LCD dan televisyen digital plasma).

Eksport produk **bukan E&E** meningkat sederhana sebanyak 11% (Januari-Julai 2004: 27.8%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005

dengan pertumbuhan positif dicatat dalam semua produk utama, kecuali galian bukan logam serta tekstil, pakaian dan kasut. Pertumbuhan lebih tinggi dicatat oleh produk petroleum dan kelengkapan pengangkutan. Eksport produk petroleum berkembang lebih tinggi sebanyak 29.1% dalam tempoh yang sama (Januari-Julai: 26.5%). Harga minyak yang lebih tinggi serta peningkatan permintaan luar terhadap produk petroleum dan gas asli cecair menyumbang kepada pertumbuhan kukuh eksport industri ini dalam tempoh tersebut. Arah aliran ini dijangka berterusan sehingga akhir 2005, dengan peningkatan permintaan daripada Asia Timur.

Sementara itu, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005, pertumbuhan eksport kelengkapan pengangkutan kekal kukuh sebanyak 20.3% (Januari-Julai 2004: 43.5%). Pertumbuhan ini adalah hasil daripada peningkatan permintaan dari luar negeri terhadap alat ganti dan komponen kenderaan seperti penapis minyak, penggilap cermin, penyerap hentakan dan sistem suspensi.

JADUAL 2.14

**Eksport Barangan Pembuatan
Januari-Julai**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera:	145,279	157,359	17.4	8.3	65.4	64.9
Separa konduktor	51,750	51,412	7.1	-0.7	23.3	21.2
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	55,482	64,428	21.4	16.2	25.0	26.6
Produk elektrik dan jentera	38,047	41,519	28.0	9.1	17.1	17.1
Produk bukan elektronik dan elektrik:	76,639	85,062	27.8	11.0	34.6	35.1
Kimia, produk kimia dan plastik	17,122	18,740	29.9	9.5	7.7	7.8
Produk besi, keluli dan logam	9,033	9,802	40.1	8.5	4.1	4.1
Produk berasaskan petroleum	8,086	10,439	26.5	29.1	3.7	4.3
Produk berasaskan kayu	6,922	7,514	25.1	8.6	3.1	3.1
Tekstil, pakaian dan kasut	5,988	5,876	20.1	-1.9	2.7	2.4
Makanan, minuman dan tembakau	5,175	5,628	19.7	8.8	2.4	2.3
Produk berasaskan getah	3,559	3,919	20.7	10.1	1.6	1.6
Kelengkapan pengangkutan	2,683	3,226	43.5	20.3	1.2	1.3
Produk galian bukan logam	1,796	1,690	11.2	-6.0	0.8	0.7
Produk pembuatan lain	16,275	18,228	28.4	12.0	7.3	7.5
Jumlah	221,918	242,421	20.8	9.2	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada masa ini, Malaysia mengeksport alat ganti dan komponen kenderaan ke AS dan Taiwan, di samping Thailand, Singapura dan Indonesia.

Eksport kimia, produk kimia dan plastik yang mewakili 7.8% daripada jumlah eksport pembuatan adalah penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan eksport pembuatan Malaysia, yang meningkat 9.5% (Januari-Julai 2004: 7.7%; 29.9%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan eksport produk plastik sebanyak 24.2% (Januari-Julai 2004: 35.6%).

Produk berasaskan sumber, termasuk produk berasaskan getah dan kayu telah mendapat manfaat daripada permintaan luar yang lebih tinggi dan kenaikan dalam harga. Eksport produk berasaskan getah telah mencatatkan pertumbuhan kukuh 10.1% manakala produk berasaskan kayu sebanyak 8.6%. Peningkatan

eksport produk berasaskan kayu didorong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap perabot kayu dengan reka bentuk terkini yang boleh dipasang sendiri (DIY). Sementara itu, produk besi, keluli dan logam juga mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh 8.5% hasil daripada harga eksport yang lebih tinggi.


Eksport Komoditi Utama

Eksport komoditi utama berkembang mantap, susulan harga yang kukuh dan permintaan luar yang menggalakkan...

Pendapatan eksport komoditi utama yang meliputi hasil pertanian dan perlombongan dianggarkan meningkat 11.6% kepada RM80,575 juta pada 2005 (2004: 20.2%; RM72,200 juta). Peningkatan ini berpunca daripada penerimaan eksport yang lebih tinggi untuk minyak sawit, petroleum mentah

CARTA 2.12

Eksport Komoditi Utama



dan juga gas asli cecair (LNG) berikutan harga yang tinggi dan permintaan luar yang mantap. Pendapatan eksport **komoditi pertanian** bertambah 4.8% kepada RM18,930 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 8%; RM18,067 juta). Eksport ini dijangka meningkat sebanyak 1.7% kepada RM32,962 juta pada 2005 disebabkan jangkaan harga yang lebih kukuh dalam tempoh separuh kedua tahun. Begitu juga dengan pendapatan eksport daripada sektor **perlombongan**, telah meningkat 32.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama berikutan permintaan yang lebih kukuh dan harga petroleum mentah serta gas asli yang lebih tinggi. Untuk keseluruhan tahun, jumlah penerimaan eksport perlombongan dijangka meningkat kukuh sebanyak 19.7% kepada RM47,613 juta daripada RM39,787 juta pada 2004. Sehubungan ini, bahagian keseluruhan eksport komoditi utama kepada eksport kasar telah meningkat kepada 15.1% dalam 2005 (2004: 15%).

Kuantiti eksport **minyak sawit** mencatat peningkatan sebanyak 25.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: -12.5%) sungguhpun begitu nilai eksport kekal berikutan harga CPO yang lebih rendah. Bagaimanapun, minyak sawit kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak 59% kepada pendapatan keseluruhan eksport pertanian. Kuantiti eksport bulanan mencapai paras tertinggi 1.33 juta tan metrik pada Mei 2005. Kuantiti eksport minyak sawit meningkat tinggi berikutan permintaan yang lebih tinggi dari China (16.2%) dan kawasan 25-negara euro (33.6%). Disebabkan minyak sawit ialah sejenis minyak yang bebas *trans-fatty-acid*, eksport ke AS melonjak 48.2% berikutan keperluan pelabelan produk yang mengandungi *trans-fatty-acid* di AS mulai Januari 2006. Eksport ke kawasan euro dijangka meningkat ketara disebabkan permintaan minyak sawit bagi biodiesel berikutan kenaikan harga minyak mentah yang tinggi. Pendapatan eksport dianggarkan meningkat 2.5% untuk keseluruhan tahun disebabkan permintaan yang lebih tinggi dan harga yang lebih kukuh pada RM1,500 setan metrik. Pengimport terbesar minyak sawit terdiri daripada China (20.2%), Belanda (9.2%), Pakistan (6.7%), India (6%) dan Mesir (3.8%). Pendapatan eksport untuk **minyak isirong sawit** meningkat 29% kepada RM1,156 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005. Jumlah pendapatan eksport

JADUAL 2.15

Eksport Komoditi Utama 2005-2006

	2005 ¹	2006 ²	Perubahan (%)	
			2005 ¹	2006 ²
Minyak sawit³				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,700	14,640	17.7	6.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,500	1,551	-12.9	3.4
Nilai (RM juta)	20,550	22,707	2.5	10.5
Minyak isirong sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	900	1,000	7.0	11.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,220	2,380	8.4	7.2
Nilai (RM juta)	1,998	2,380	16.0	19.1
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	4,810	4,830	-7.6	0.4
Nilai seunit (RM/meter padu)	472	458	18.7	-3.0
Nilai (RM juta)	2,270	2,212	9.7	-2.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,890	2,700	-8.7	-6.6
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,025	1,120	1.0	9.3
Nilai (RM juta)	2,962	3,024	-7.8	2.1
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	1,000	1,010	-9.6	1.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	500	511	6.4	2.2
Nilai (RM juta)	5,000	5,161	-3.8	3.2
Lada hitam				
Kuantiti ('000 tan metrik)	19	21	0.0	10.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,316	5,714	9.1	-9.5
Nilai (RM juta)	120	120	9.1	0.0
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10	11	6.6	10.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,200	6,364	11.2	2.6
Nilai (RM juta)	62	70	18.5	12.9
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	18,174	19,964	-2.7	9.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,551	1,696	33.2	9.3
Nilai (RM juta)	28,188	33,859	29.5	20.1
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	20,936	21,340	1.0	1.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	892	972	8.3	9.0
Nilai (RM juta)	18,675	20,742	9.3	11.1
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	25	26.3	-16.7	5.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	30	29	-4.9	-3.3
Nilai (RM juta)	750	763	-20.7	1.7
Jumlah nilai (RM juta)	80,575	91,038	11.6	13.0

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Termasuk minyak sawit mentah yang diproses dan stearin.

minyak isirong sawit dijangka berkembang 16% kepada RM1,998 juta bagi keseluruhan 2005 (2004:17.9%; RM1,723 juta). Usaha turut dijalankan untuk meningkatkan eksport termasuk mempromosi minyak sawit sebagai biofuel dan juga meningkatkan kesedaran mengenai kelebihan tekno-ekonomik dan nilai pemakanan, terutamanya di pasaran bukan tradisi melalui seminar, promosi dan pameran perdagangan.

Kuantiti eksport **getah** meningkat 1.6% kepada 644,439 tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 17.2%; 634,425 tan metrik). Bagi keseluruhan tahun 2005, kuantiti eksport getah yang sebahagian besarnya merupakan SMR dijangka merosot 9.6% kepada 1 juta tan metrik, dibatasi terutamanya oleh pengeluaran yang rendah berikutan cuaca yang kurang baik dan kawasan tanaman yang lebih kecil. Harga eksport getah diunjur meningkat 2.2% dan kekal tinggi pada paras RM4.80 se kg (2004: 24.1%: RM4.70 se kg), oleh kombinasi pelbagai faktor yang menyebabkan penawaran yang terhad dan permintaan yang meningkat. Jumlah permintaan untuk getah asli dijangka meningkat apabila industri pegilang menggantikan getah tiruan kepada getah asli untuk mengurangkan kesan kenaikan harga minyak yang tinggi.

Kuantiti eksport **petroleum mentah** merosot 3.6% kepada 10.29 juta tan metrik dalam tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 7.1%; 10.67 juta tan metrik). Bagaimanapun, pendapatan eksport mencatatkan kenaikan 38.7% kepada RM15,182 juta (Januari-Julai 2004: 26.4%; RM10,949 juta) dengan harga eksport berada pada purata USD51 setong (RM1,474 setan metrik) untuk tempoh tujuh bulan pertama 2005. Pengimport utama petroleum mentah Malaysia adalah Australia (20.4%), India (18.7%), Thailand (14.6%), Korea Selatan (11%) dan Indonesia (10.5%).

Pendapatan eksport **LNG** untuk tempoh tujuh bulan pertama terus berkembang 24.8% (Januari-Julai 2004: 23.3 %), didorong oleh peningkatan kuantiti sebanyak 9.9% dan nilai seunit (harga eksport) sebanyak 13.5%. Peningkatan kuantiti eksport disebabkan kenaikan harga minyak yang menjadikan LNG alternatif lebih kompetitif, terutamanya untuk loji janakuasa dan kegunaan

industri. Nilai eksport yang lebih tinggi kebanyakannya disebabkan peningkatan permintaan dari Jepun sebanyak 35.4% dan Korea Selatan sebanyak 14.1%. Malaysia adalah pengeluar terbesar LNG di satu lokasi dengan kapasiti pengeluaran semasa sebanyak 23 juta tan metrik di MLNG Tiga, Sarawak menjadikan Malaysia pada masa ini pengeksport LNG kedua terbesar dunia dengan jumlah eksport berjumlah 20.8 juta tan metrik, menyumbang 15.7% kepada eksport global selepas Indonesia.

Prestasi Import

Peningkatan eksport dan kekukuhan permintaan dalam negeri terus memacu import...

Nilai import kasar termasuk kos, insurans dan fret (c.i.f) bertambah 8.7% kepada RM243,079 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 28%; RM223,534 juta), seperti *Jadual 2.16*. Faktor utama yang

JADUAL 2.16

Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir Januari-Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Barangan modal	30,129	33,186	30.9	10.1	13.5	13.7
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	27,501	30,015	24.7	9.1	91.3	90.4
Alat kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	2,628	3,171	170.7	20.7	8.7	9.6
Barangan perantaraan	161,584	174,436	25.2	8.0	72.3	71.8
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	5,479	4,873	66.0	-11.1	3.4	2.8
Bekalan perindustrian utama dan diproses	51,067	56,471	39.3	10.6	31.6	32.4
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	9,146	14,711	15.0	60.8	5.7	8.4
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	4,736	6,979	30.0	47.4	2.9	4.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	32,095	32,397	26.8	0.9	19.9	18.6
Injap dan tiub termionik	59,060	59,005	13.2	-0.1	36.6	33.8
Barangan penggunaan	12,838	13,736	22.6	7.0	5.7	5.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk penggunaan isi rumah	4,942	5,273	29.7	6.7	38.5	38.4
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	198	162	-1.3	-18.3	1.5	1.2
Barang pengguna lain	7,697	8,301	19.1	7.8	60.0	60.4
Barang tahan lama	1,722	1,927	17.0	11.9	22.4	23.2
Barang separa tahan lama	2,559	2,555	19.8	-0.2	33.3	30.8
Barang tidak tahan lama	3,416	3,819	19.7	11.8	44.4	46.0
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	9,375	10,763	23.2	14.8	4.2	4.4
Import untuk dieksport semula	9,609	10,958	115.0	14.0	4.3	4.5
Jumlah	223,534	243,079	28.0	8.7	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

menyumbang kepada pertumbuhan ini ialah peningkatan permintaan barangan perantaraan, terutamanya daripada sektor pembuatan, untuk menyokong peningkatan permintaan luar dan juga pertambahan import barangan modal bagi pengembangan kapasiti. Import barangan penggunaan juga meningkat, seiring dengan pertambahan pendapatan isi rumah serta kecenderungan pengguna mengimport produk berkualiti tinggi. Selaras dengan peningkatan yang dicatatkan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, nilai import kasar bagi keseluruhan tahun 2005 dijangka berkembang 8.9% kepada RM435,653 juta (2004: 26.4%; RM400,077 juta). Import barangan perantaraan dijangka mencatatkan pertumbuhan 8.9% (2004: 22%), manakala barangan modal dijangka meningkat 7.5% (2004: 36.1%). Pertumbuhan mapan penggunaan swasta dijangka memacu import barangan penggunaan sebanyak 6.9% bagi tahun 2005 (2004: 24.1%). Peningkatan pengeluaran industri elektronik, hasil daripada permintaan yang kukuh serta aktiviti di dalam industri pembuatan lain menyebabkan import **barangan perantaraan** meningkat 8% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2005 (Januari-Julai 2004: 25.2%). Selaras dengan kenaikan harga produk berkaitan petroleum, import bahan api dan pelincir berkembang 60.8% sementara bekalan perindustrian sebanyak 10.6% (Januari-Julai 2004: 15%; 39.3%). Import alat ganti dan aksesori barangan modal meningkat sederhana 0.9% (Januari-Julai 2004: 26.8%). Seterusnya, import alat ganti dan aksesori untuk alat kelengkapan pengangkutan meningkat dengan ketara sebanyak 47.4% (Januari-Julai 2004: 30%), dipacu oleh prestasi baik jualan kenderaan bermotor dalam negeri. Walau bagaimanapun, import makanan dan minuman utama dan diproses merosot 11.1% (Januari-Julai 2004: 66%).

Import **barangan modal** berkembang 10.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2005: 30.9%) dengan kesemua subkategori barangan modal mencatatkan peningkatan. Import alat kelengkapan pengangkutan bagi tujuan perindustrian bertambah kukuh sebanyak 20.7% (Januari-Julai 2004: 170.7%), manakala import barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) meningkat 9.1% (Januari-Julai 2004: 24.7%). Ini didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi mesin memproses data automatik

(29.5%), peralatan dan kelengkapan mesin pejabat (5.2%) dan peralatan telekomunikasi (1.9%) berikutan aktiviti pelaburan swasta yang kukuh, khususnya di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Import barangan modal mewakili 13.7% daripada keseluruhan jumlah import (Januari-Julai 2004: 13.5%).

Import **barangan penggunaan** terus mengukuh 7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 22.6%) dan mengekalkan 5.7% bahagiannya kepada jumlah import (Januari-Julai 2004: 5.7%), sejajar dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang tinggi. Peningkatan ketara turut dicatatkan bagi import barangan pengguna tahan lama sebanyak 11.9% manakala bagi barangan tidak tahan lama sebanyak 11.8% (Januari-Julai 2004: 17%; 19.7%). Import makanan dan minuman meningkat sederhana pada kadar 6.7% (Januari-Julai 2004: 29.7%). Sebaliknya, import kelengkapan pengangkutan bukan perusahaan menguncup 18.3% (Januari-Julai 2004: -1.3%) manakala import barangan pengguna separa tahan lama berkurang sedikit 0.2% (Januari-Julai 2004: 19.8%).

Import barangan lain (termasuk barangan dwiguna) meningkat 14.8% (Januari-Julai 2004: 23.2%), disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan bagi bahan api dan pelincir diproses, spirit motor serta import peralatan pengangkutan dan kenderaan penumpang. Import peralatan pengangkutan dan kenderaan penumpang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 15.1% bagi tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 22.3%). **Import untuk dieksport semula**, terutamanya barangan E&E, peralatan telekomunikasi serta produk besi dan keluli yang merangkumi 4.5% daripada jumlah import, juga meningkat 14% (Januari-Julai 2004: 4.3%; 115%).

Prestasi Perdagangan

Lebih dagangan yang besar hasil prestasi eksport yang menggalakkan...

Perdagangan luar Malaysia terus berkembang 9.8% kepada RM539,988 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 24.2%; RM491,749 juta). Rakan dagang utama negara

JADUAL 2.17

Haluan Perdagangan Luar Januari-Julai

	Eksport				Import				Imbangan Perdagangan	
	Perubahan (%)		Bahagian (%)		Perubahan (%)		Bahagian (%)		RM juta	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Amerika Syarikat	14.7	15.8	18.8	19.6	20.4	-4.9	14.9	13.0	17,097	26,674
Singapura	12.9	15.5	14.9	15.6	17.5	14.3	10.9	11.5	15,531	18,233
Jepun	13.6	6.9	10.1	9.8	24.6	-4.7	16.5	14.5	-9,799	-6,191
Asia Timur Laut (tidak termasuk Jepun)	24.9	4.6	19.7	18.6	36.7	16.6	22.6	24.2	2,332	-3,610
China	31.2	4.7	6.6	6.3	50.5	25.4	9.6	11.1	-3,611	-8,220
Hong Kong SAR	16.2	6.8	6.1	5.9	23.8	-3.5	2.7	2.4	10,540	11,871
Korea Selatan	47.2	12.0	3.6	3.6	21.8	8.1	5.1	5.1	-1,874	-1,655
Taiwan	11.0	-7.9	3.3	2.7	37.0	19.0	5.2	5.7	-2,749	-5,646
Kesatuan Eropah	20.5	1.8	12.6	11.6	30.1	7.7	12.1	12.0	6,820	5,348
Jerman	17.1	3.0	2.3	2.1	37.2	0.5	4.7	4.3	-4,377	-4,241
Belanda	17.4	10.5	3.2	3.2	52.6	-7.0	0.9	0.7	6,596	7,631
United Kingdom	21.4	-9.9	2.3	1.8	16.4	-0.4	1.8	1.6	2,118	1,540
Perancis	7.4	-8.5	1.5	1.2	11.6	11.6	1.4	1.4	934	236
Itali	23.9	-14.7	0.7	0.5	53.7	52.6	0.9	1.2	-113	-1,384
Ireland	1.0	53.5	0.3	0.4	-14.7	39.9	0.5	0.7	-519	-633
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	37.9	16.6	10.1	10.6	32.1	13.0	12.4	12.9	-723	160
Thailand	35.6	29.5	4.8	5.6	58.8	8.4	5.4	5.3	793	3,560
Indonesia	40.2	15.4	2.3	2.4	51.4	3.3	4.0	3.8	-2,738	-2,085
Filipina	42.6	-2.4	1.6	1.4	-15.2	26.9	2.5	2.9	-1,299	-2,920
Vietnam	53.2	-5.1	0.9	0.8	35.8	71.2	0.4	0.7	1,523	687
Brunei	15.7	-11.0	0.3	0.2	75.9	52.6	0.0	0.0	728	636
Asia Selatan	19.3	19.5	3.5	3.8	116.8	-23.0	1.4	1.0	6,251	8,849
India	21.3	22.5	2.4	2.7	130.0	-24.5	1.4	0.9	3,397	5,596
Asia Barat	39.4	3.5	2.7	2.5	7.6	61.2	2.1	3.1	2,588	9
Emiriyah Arab Bersatu	46.1	20.9	1.2	1.3	46.6	54.9	0.4	0.6	2,302	2,453
Arab Saudi	17.1	3.5	0.4	0.4	34.1	67.3	0.8	1.2	-722	-1,865
Iran	2.5	-3.8	0.3	0.2	157.8	88.3	0.2	0.3	278	-135
Oman	41.9	21.5	0.1	0.1	-33.7	59.0	0.3	0.4	-513	-873
Australia	51.4	21.9	3.1	3.4	35.2	30.7	1.7	2.0	4,472	5,126
New Zealand	15.4	-3.2	0.4	0.3	11.7	5.0	0.3	0.3	187	118
Afrika	13.1	20.9	1.3	1.4	79.3	12.0	0.6	0.6	2,062	2,610
Negara lain	36.7	7.6	2.9	2.9	27.1	19.5	4.5	4.9	-2,136	-3,494
Jumlah	21.2	10.7	100.0	100.0	28.0	8.7	100.0	100.0	44,682	53,831
RM bilion			268.2	296.9			223.5	243.1		

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

ialah AS, Singapura, Jepun dan China, merangkumi 50.7% daripada jumlah dagangan bagi tempoh yang sama (Januari-Julai 2004: 51.1%). Perdagangan dengan negara ASEAN (tidak termasuk Singapura) terus menggalakkan dengan eksport mengekalkan pertumbuhan dua angka sebanyak 16.6% sementara import sebanyak 13% (Januari-Julai 2004: 37.9%; 32.1%), seperti *Jadual 2.17*. Lebihan dagangan Malaysia dengan negara lain di dunia kekal kukuh pada RM53,831 juta (Januari-Julai 2004: RM44,682 juta), dengan bahagian eksport berjumlah 55% daripada jumlah dagangan dan import pula berjumlah 45%. Negara utama yang menyumbang kepada lebihan dagangan ialah AS, Singapura, Hong Kong, Belanda dan India. Sebaliknya, Malaysia merekodkan defisit perdagangan dengan negara China, Jepun, Taiwan, Jerman dan Filipina.


AS masih merupakan rakan dagang Malaysia yang terbesar, dengan bahagian sebanyak 16.6% kepada jumlah dagangan (Januari-Julai 2004: 17%). Lebihan dagangan yang tinggi dicatatkan

bagi tempoh tujuh bulan pertama 2005 dengan jumlah RM26,674 juta (Januari-Julai 2004: RM17,097 juta). Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan kukuh eksport barangan E&E yang berkembang 16.8% dan merupakan 77.7% daripada jumlah eksport ke AS. Walau bagaimanapun, penurunan import daripada AS sebanyak 4.9% tidak menjejaskan kedudukannya sebagai sumber import kedua terpenting bagi Malaysia.

Singapura kekal sebagai rakan dagang kedua terpenting bagi Malaysia dengan menyumbang 13.7% kepada jumlah dagangan. Barangan E&E merupakan produk eksport terbesar dengan perolehan berjumlah RM24,740 juta atau 53.6% daripada jumlah eksport ke Singapura. Di samping itu, Singapura merupakan sumber import ketiga terbesar bagi Malaysia. Import utama terdiri daripada barangan E&E (RM10,604 juta) dan produk petroleum bertapis (RM7,889 juta), yang mewakili 66.1% daripada jumlah import dari Singapura.

CARTA 2.13

Prestasi Perdagangan



Jepun merupakan rakan dagang Malaysia yang ketiga terbesar dengan sumbangan 11.9% kepada jumlah perdagangan. Pertumbuhan eksport sebanyak 6.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 disokong oleh peningkatan 35.4% dalam eksport produk LNG. Walaupun eksport produk E&E merosot 5.2% dalam tempoh yang sama, ia menyumbang 33.2% dan masih merupakan sumber pendapatan eksport terbesar. Nilai import daripada Jepun menguncup 4.7%, disebabkan oleh import produk E&E yang lebih rendah. Namun begitu, Jepun kekal sebagai sumber import yang utama. Imbangan dagangan yang sentiasa memihak kepada Jepun berkurangan kepada RM6,191 juta dalam tempoh tersebut (Januari-Julai 2004: -RM9,799 juta), berikutan pertumbuhan eksport yang mengatasi import.

Republik Rakyat China muncul sebagai rakan dagang Malaysia yang keempat terbesar sejak 2001. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, eksport produk E&E mewakili 41.3% daripada jumlah eksport, diikuti oleh minyak sawit (13.2%) serta kimia dan produk kimia (12%). China juga kekal sebagai sumber import yang keempat, sebahagian besarnya merangkumi peralatan dan aksesori bagi mesin pejabat, transistor dan injap, peralatan pemprosesan data automatik serta produk besi dan keluli.

Perdagangan luar Malaysia dengan negara lain di **Asia Timur Laut** iaitu Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong SAR, kesemuanya menyumbang 12.7% kepada jumlah perdagangan (Januari-Julai 2004: 13%). Antara negara-negara tersebut, Korea Selatan dan Hong Kong SAR merupakan rakan dagang utama, setiap negara mewakili 4.3% daripada jumlah dagangan dan diikuti oleh Taiwan (4.1%).

Kesatuan Eropah (EU) juga merupakan rakan dagang utama, mewakili 11.8% (RM63,462 juta) daripada jumlah dagangan negara (Januari-Julai 2004: 12.4%). Jerman merupakan negara dagang utama di kalangan EU yang menyumbang 26.3% daripada jumlah dagangan Malaysia dengan kesatuan tersebut, diikuti oleh Belanda (17.7%) dan UK (14.7%). Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang lebih rendah bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2005 sebanyak RM5,348 juta, berikutan kemerosotan eksport barangan pembuatan ke UK dan Perancis.

Perdagangan Malaysia dengan **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) meningkat ketara sebanyak 14.7% dan mewakili 11.7% daripada jumlah dagangan (Januari-Julai 2004: 34.9%; 11.2%). Eksport ke ASEAN bertambah kukuh, disokong oleh peningkatan permintaan produk E&E dan produk berasaskan sumber. Demikian juga import yang kukuh bagi tempoh tujuh bulan pertama 2005 dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi bagi produk elektronik, kimia, pembuatan serta produk logam, besi dan keluli. Bagi tempoh tersebut, Malaysia mencatatkan lebih dagangan berjumlah RM160 juta dengan ASEAN, disebabkan terutamanya oleh lebih dagangan dengan Thailand (RM3,560 juta) dan Vietnam (RM687 juta).

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa lapan berturut-turut...

Imbangan pembayaran negara kekal memberangsangkan bagi tahun 2005, dengan akaun semasa mencatatkan lebihan yang besar bagi lapan tahun berturut-turut. Lebihan ini hasil daripada imbangan dagangan yang lebih tinggi serta defisit akaun pendapatan yang semakin rendah. Akaun kewangan juga diramalkan terus memberangsangkan, berikutan aliran masuk pelaburan langsung asing yang kekal mapan. Oleh itu, rizab antarabangsa bersih Malaysia bagi tahun 2005 dijangka kekal kukuh, seterusnya menguatkan lagi asas ekonomi negara.

Eksport dijangka mengatasi import dari segi nilai dan kadar pertumbuhan, menyebabkan lebihan besar akaun barangan bernilai RM124,068 juta (2004: RM104,474 juta), seperti *Jadual 2.18*. Walau bagaimanapun, perkembangan sederhana perdagangan global dijangka menyebabkan peningkatan eksport barangan (f.o.b.) yang lebih perlahan 10.8% kepada RM533,380 juta (2004: 20.9%; RM481,240 juta). Import barangan (f.o.b.) juga dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan 8.6% atau RM409,312 juta (2004: 25.5%; RM376,766 juta).

Akaun perkhidmatan dijangka kekal defisit bagi tahun 2005, walaupun aliran masuk komponen akaun perjalanan terus teguh. Seiring dengan

JADUAL 2.18

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
2005-2006
 (RM juta)

	2005 ¹			2006 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	533,380	409,312	124,068	592,741	460,213	132,528
Perkhidmatan	71,245	81,182	-9,937	79,937	89,765	-9,828
Pengangkutan	14,493	32,781	-18,288	16,026	36,948	-20,922
Perjalanan	34,096	13,615	20,481	37,375	14,700	22,675
Perkhidmatan lain	22,140	34,066	-11,926	25,926	37,165	-11,239
Urus niaga Kerajaan	516	720	-204	610	952	-342
Pendapatan	19,804	43,637	-23,833	21,978	46,600	-24,622
Pampasan pekerja	3,639	4,825	-1,186	3,716	4,986	-1,270
Pendapatan pelaburan	16,165	38,812	-22,647	18,262	41,614	-23,352
Pindahan semasa	1,688	18,985	-17,297	1,767	19,543	-17,776
Akaun semasa	626,117	553,116	73,001	696,423	616,121	80,302

¹ Anggaran.


² Unjuran.

peningkatan bilangan ketibaan pelancong yang disasarkan tahun ini, aliran masuk bersih akaun perjalanan dijangka meningkat 5.6% kepada RM20,481 juta (2004: 68.3%; RM19,398 juta). Pertumbuhan bagi penerimaan akaun perjalanan, terdiri terutamanya daripada perjalanan perniagaan dan percutian serta pendidikan dan kesihatan, dijangka meningkat 9.5% kepada RM34,096 juta (2004: 39%; RM31,152 juta). Aliran keluar kasar akaun ini juga dijangka meningkat kukuh 15.8% kepada RM13,615 juta (2004: 8%; RM11,754 juta) dengan pertambahan rakyat Malaysia ke luar negara, disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna dan tambang rendah yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan tambang murah. Sementara itu, komponen lain dalam akaun perkhidmatan iaitu pengangkutan, perkhidmatan lain dan urus niaga kerajaan akan terus mencatatkan aliran keluar bersih dan menyumbang kepada kedudukan defisit keseluruhan akaun perkhidmatan.

Akaun pendapatan dijangka mencatatkan defisit yang lebih rendah berjumlah RM23,833 juta bagi tahun 2005 (2004: -RM24,549 juta). Penerimaan kasar yang terdiri daripada perolehan pelaburan luar negara dijangka terus mencatatkan

CARTA 2.14

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 15 September 2005.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pertumbuhan dua angka sebanyak 23.6% kepada RM19,804 juta (2004: 22%; RM16,023 juta). Bayaran kasar yang merangkumi terutamanya keuntungan dan dividen syarikat multinasional (MNC), dijangka berkembang 7.6% kepada RM43,637 juta (2004: 13.7%; RM40,572 juta).


Aliran keluar bersih bagi **akaun pindahan semasa** dianggarkan meningkat 18.2% kepada RM17,297 juta bagi tahun 2005 (2004: 57.3%; -RM14,633 juta). Penerimaan pindahan wang masuk, sebahagian besarnya berpunca daripada kiriman wang masuk oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, dijangka berkurangan 0.7% kepada RM1,688 juta bagi tahun 2005 (2004: -11.9%; RM1,700 juta). Sebaliknya, jumlah bayaran akaun pindahan dijangka meningkat 16.2% kepada RM18,985 juta (2004: 45.5%; RM16,333 juta), berikutan terutamanya peningkatan pindahan wang keluar oleh pekerja asing.

Bagi **akaun kewangan**, pelaburan langsung asing dijangka kekal menggalakkan, sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor pembuatan, terutamanya dalam pengembangan kegiatan nilai ditambah E&E, sektor perkhidmatan serta minyak dan gas. Kedudukan akaun pelaburan luar negara dijangka terus kukuh, berikutan syarikat besar dan terkemuka Malaysia terus melabur ke luar negara, khususnya dalam sektor minyak dan gas serta perkhidmatan dan pembuatan. Untuk komponen akaun pelaburan lain, ia dijangka mencatat aliran keluar bersih, berpunca terutamanya daripada pembayaran semula hutang luar bersih oleh Kerajaan dan peningkatan kredit dagangan oleh pengeksport Malaysia.

Sehingga 15 September 2005, rizab antarabangsa negara kekal kukuh pada RM304,362 juta (USD80,161 juta), mencerminkan asas ekonomi yang terus teguh. Pertambahan ini disokong oleh pendapatan eksport yang berterusan serta aliran masuk modal asing yang stabil. Jumlah rizab antarabangsa ini yang merupakan 6.1 kali hutang luar jangka pendek, berupaya untuk membiayai sembilan bulan import tertangguh. Tahap rizab yang tinggi ini memperkukuhkan lagi daya tahan negara dalam menghadapi kejutan luar.

CARTA 2.15

Jurang Tabungan Pelaburan



Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber semakin kukuh dengan lebih akaun semasa yang besar...

Pendapatan negara terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.1% pada 2005 (2004: 14.1%) berikutan aliran keluar bayaran faktor bersih yang berkurangan. **Tabungan negara kasar (TNK)** terus kekal tinggi sebanyak 36.4% kepada KNK, tetapi berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak 6.5% kepada RM168,592 juta (2004: 16.5%; RM158,338 juta). Jumlah TNK yang sebahagian besarnya daripada tabungan sektor awam terus melebihi jumlah pelaburan.

Sehubungan ini, kedudukan **jurang tabungan pelaburan** dijangka menunjukkan lebih yang ketara sebanyak RM73,001 juta atau 15.7% kepada KNK (2004: RM56,511 juta; 13.3%). Kedudukan ini adalah mencukupi bagi

menyediakan kecairan dalam sistem kewangan untuk membiayai aktiviti ekonomi dalam negeri tanpa memberi tekanan kepada kadar faedah.


Harga

Inflasi tolakan kos muncul kesan kenaikan tinggi harga minyak...

Kadar inflasi yang diukur melalui peratus perubahan tahunan **Indeks Harga Pengguna (IHP)** menokok sedikit berikutan kos pengangkutan yang lebih tinggi kesan dari peningkatan harga minyak dunia. Bagi lapan bulan pertama 2005, IHP mencatatkan kenaikan 2.8% (Januari-Ogos 2004: 1.2%), sementara harga minyak dunia meningkat dengan ketara sebanyak 40.1% (Januari-Ogos 2004: 29.1%). Bagi mengurangkan beban subsidi, Kerajaan telah menaikkan harga runcit barangan petroleum dan diesel sebanyak tiga kali dengan kenaikan terbaru pada 31 Julai 2005 sebanyak 6.6% bagi petrol, diesel (18.5%) dan LPG (3.6%). Walaupun kenaikan ini telah mengakibatkan kos bahan api yang lebih tinggi, harga runcit barangan petroleum di Malaysia masih merupakan antara yang

CARTA 2.16

Arah Aliran IHP dan IHPG (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 2.19

Indeks Harga Pengguna (IHP) Januari-Ogos (2000=100)

Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)	
	2004	2005	2004	2005
Jumlah	100.0	1.2	100.0	100.0
Makanan	33.8	1.9	57.2	43.1
Minuman dan tembakau	3.1	5.0	14.2	15.2
Pakaian dan kasut	3.4	-2.0	-6.3	-1.2
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.9	17.9	9.3
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	0.1	0.5	2.9
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	1.3	2.2	1.0
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	0.4	6.1	24.7
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.9	-0.1	-0.5	0.8
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	5.5	1.7	8.8	4.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

terendah di rantau ini. Harga makanan serta pengangkutan meningkat berikutan semakan semula harga siling ayam serta tambang bas dan teksi dalam tahun ini. Peningkatan IHP juga disebabkan pengenaan duti eksais yang lebih tinggi ke atas minuman beralkohol dan tembakau semasa Bajet 2005. Walau bagaimanapun, harga komponen lain dalam IHP kekal stabil dengan kenaikan yang kecil.

Makanan dengan wajaran terbesar 33.8% mencatatkan kenaikan 3.5% (Januari- Ogos 2004: 1.9%) dan menyumbang 43.1% kepada kenaikan keseluruhan IHP. Harga yang lebih tinggi untuk daging (9.9%), buah-buahan dan sayur-sayuran (4.3%), ikan (4%) serta susu dan telur (3.8%), menyebabkan harga **makanan di rumah** meningkat kepada 3.8% (Januari-Ogos 2004: 1.9%). Kenaikan harga dalam subkumpulan ini adalah kerana kekurangan bekalan makanan segar serta harga ayam yang lebih tinggi akibat dari kos pengeluaran yang meningkat. Harga bagi

makanan di luar rumah juga meningkat 3.1% (Januari-Ogos 2004: 1.6%), menyumbang 24.7% kepada kenaikan keseluruhan indeks kumpulan makanan.

Pengangkutan dan perhubungan, penyumbang kedua terbesar kepada IHP sebanyak 24.7% dalam tempoh lapan bulan pertama 2005. Komponen ini mencatat kenaikan sebanyak 3.6% (Januari-Ogos 2004: 0.4%) berikutan semakan semula tambang untuk bas serta teksi yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2005. Sementara itu, **minuman dan tembakau** menokok 15.2% kepada IHP dengan mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 13.6% (Januari-Ogos 2004: 5%). Kenaikan bagi komponen lain dalam IHP agak rendah, kecuali **pakaian dan kasut** yang terus mencatatkan pertumbuhan negatif 1% (Januari-Ogos 2004: -2%), sebahagiannya kesan daripada persaingan yang sengit serta kos import yang rendah, terutamanya dari China.

JADUAL 2.20

Indeks Harga Pengeluar (IHPG)
Januari-Julai
 (1989=100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPG (%)	
		2004	2005	2004	2005
Ekonomi domestik	100.0	8.3	6.1	100.0	100.0
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	4.2	3.8	8.7	11.1
Minuman dan tembakau	2.1	1.4	2.0	0.4	0.8
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	8.8	0.4	22.2	1.3
Minyak galian, pelicin dan bahan yang berkaitan	18.8	14.5	27.7	38.3	101.7
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	20.5	-18.0	24.5	-28.0
Kimia dan keluaran kimia yang berkaitan	4.4	3.3	3.3	2.1	2.9
Barangan pembuatan dijeniskan mengikut bahan	10.8	2.0	3.2	3.1	6.8
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	0.1	0.6	0.2	2.3
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam 'SITC' ¹	3.6	0.9	1.5	0.5	1.1
Pelbagai barang keluaran kilang	0.6	0.2	0.0	0.0	0.0
Pengeluaran tempatan	79.3	9.7	6.9	95.9	93.6
Import	20.7	1.6	1.8	4.1	6.4

¹ Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa.

IHP bagi **Semenanjung Malaysia** lebih tinggi pada kadar 3% disebabkan oleh kos makanan yang lebih tinggi terutamanya daging, ikan dan sayur-sayuran. Sebaliknya, kenaikan harga di Sabah hanyalah pada kadar 2.4% manakala di Sarawak sebanyak 2.2% berikutan harga makanan yang lebih rendah.

Pada 7 September 2005, Kerajaan telah mengumumkan empat langkah untuk mengurangkan beban kenaikan harga dalam negeri serta untuk mengekang kesan lonjakan harga minyak dunia. Langkah pertama adalah memastikan harga bahan api kekal pada kadar semasa sehingga akhir tahun ini. Langkah kedua adalah untuk menanggukkan sebarang kenaikan kadar tol sehingga 1 Januari 2007. Langkah ketiga pula melibatkan pengurangan kadar cukai jalan untuk semua kenderaan komersil dan bagi kenderaan persendirian bergantung kepada kapasiti enjin serta jenis kegunaannya. Langkah terakhir dikhususkan untuk meningkatkan bantuan kepada warga emas, orang kurang upaya serta anak yatim melalui program-program kebajikan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPG) yang telah meningkat sejak April 2004 terus mengalami peningkatan, tetapi pada kadar yang lebih perlahan iaitu 6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 8.3%). Kebanyakan komponen IHPG menunjukkan peningkatan yang sederhana, kecuali untuk **minyak galian, pelicin dan bahan yang berkaitan** yang merekodkan peningkatan berganda sebanyak 27.7% (Januari-Julai 2004: 14.5%), kesan dari harga minyak mentah yang tinggi. **Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran** pula mencatatkan pertumbuhan negatif 18% (Januari-Julai 2004: 20.5%) selepas peningkatan berterusan untuk tiga tahun berturut-turut disebabkan harga CPO yang lebih rendah. Harga CPO mencatatkan penurunan 12.2% kepada purata RM1,403 setan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: RM1,599). IHPG untuk **import** meningkat lebih tinggi sebanyak 1.8% (Januari-Julai 2004: 1.6%) kesan daripada peningkatan harga minyak mentah, sementara IHPG untuk **pengeluaran tempatan** adalah sederhana sebanyak 6.9% dalam tempoh yang sama (Januari-Julai 2004: 9.7%).

Pasaran Buruh

Keadaan pasaran buruh kekal menggalakkan...

Keadaan pasaran buruh yang baik dijangka berterusan sepanjang 2005, khususnya pada separuh kedua tahun seiring dengan persekitaran luar yang lebih menggalakkan, aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh dan sentimen perniagaan yang bertambah baik. Secara umumnya, peluang pekerjaan adalah seimbang dengan jumlah guna tenaga dan tenaga buruh berkembang pada kadar 3.2%. Dengan itu, peratusan pengangguran dijangka kekal rendah pada 3.5% bagi tahun ini, tahun ke-14 berturut-turut Malaysia berada pada tahap guna tenaga penuh.

Kadar penglibatan tenaga buruh secara keseluruhannya dijangka kekal tinggi pada 66% pada tahun 2005 (2004: 65.5%). Penglibatan daripada tenaga kerja muda, khususnya mereka yang berada dalam kumpulan umur 15-24 tahun menunjukkan arah aliran yang meningkat. Dari segi jantina, kadar penyertaan lelaki meningkat sedikit kepada 85.2% (2004: 85.1%) dan wanita kepada 45.8% (2004: 45.7%). Walaupun kadar penglibatan wanita agak rendah, Malaysia merupakan negara yang mencatatkan peratusan tertinggi di kalangan negara membangun. Mobiliti buruh, budaya dan kecenderungan sosial merupakan antara faktor yang mengekang kadar penglibatan wanita. Tenaga buruh yang memiliki pendidikan tinggi dijangka akan meningkat daripada 18.1% dalam tahun 2004 kepada 19%

JADUAL 2.21

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Tenaga buruh	10,587.7	10,926.6	3.4	3.2
Guna tenaga	10,222.0	10,547.5	3.6	3.2
Pengangguran	365.7	379.1	3.5 ²	3.5 ²

¹ Anggaran.

² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.


dalam tahun 2005, menggambarkan enrolmen pelajar yang lebih ramai di institusi pengajian tinggi, dan juga perkembangan pesat pendidikan tertiar serta kemudahan latihan.

Secara umumnya, seluruh sektor ekonomi dijangka menawarkan tambahan peluang pekerjaan. **Guna tenaga** dijangka meningkat 3.2% atau pertambahan 325,500 peluang pekerjaan baru dalam tahun 2005 (2004: 3.6%; 355,300). Guna tenaga sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal menyediakan peluang pekerjaan yang terbesar. Daripada 10.6 juta yang bekerja, sektor perkhidmatan menyediakan sebanyak 50.8% guna tenaga, diikuti oleh sektor pembuatan (28.3%) dan pertanian (13.1%), seperti *Jadual 2.22*.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2005, bilangan **pencari kerja** yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Manusia telah menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 256% kepada 98,009 orang (Januari-Julai 2004: -26%; 27,514), sebahagiannya kesan daripada pelanjutan tempoh sah pendaftaran bagi pencari kerja dari tiga bulan kepada enam bulan. Daripada jumlah pencari kerja ini, 57% tergolong dalam lingkungan

CARTA 2.17

Pemberhentian dalam Sektor Terpilih Januari-Julai



Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

JADUAL 2.22

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Sumbangan (%)		Perubahan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,396.8	1,385.6	13.7	13.1	-0.3	-0.8
Perlombongan	42.2	42.6	0.4	0.4	1.2	0.9
Pembuatan	2,869.8	2,990.4	28.1	28.3	6.4	4.2
Pembinaan	770.6	775.3	7.5	7.4	-1.2	0.6
Perkhidmatan	5,142.6	5,353.6	50.3	50.8	4.2	4.1
Elektrik, gas dan bekalan air	89.7	92.5	0.9	0.9	5.0	3.1
Perdagangan borong dan runcit	1,771.7	1,864.2	17.3	17.7	5.2	5.2
Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	642.4	671.7	6.3	6.4	5.0	4.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	557.9	593.5	5.5	5.6	5.5	6.4
Perkhidmatan Kerajaan	1,041.8	1,052.8	10.2	10.0	1.5	1.1
Perkhidmatan lain	1,039.1	1,078.9	10.2	10.2	3.1	3.8
Jumlah	10,222.0	10,547.5	100.0	100.0	3.6	3.2
Sektor pertama	1,439.0	1,428.2	20.4	19.1	-0.3	-0.8
Sektor kedua	3,640.4	3,765.7	56.3	56.9	4.7	3.4
Sektor ketiga	5,142.6	5,353.6	18.1	19.0	4.0	4.1

¹ Anggaran.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi.

JADUAL 2.23

Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama

	('000)		Sumbangan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus	838.2	864.9	8.2	8.2
Profesional	572.4	611.8	5.6	5.8
Juru teknik dan separa profesional	1,247.1	1,297.3	12.2	12.3
Pekerja perkeranian	950.6	959.9	9.3	9.1
Pekerja perkhidmatan kedai dan pasar jualan	1,472.0	1,539.9	14.4	14.6
Pekerja mahir pertanian dan perikanan	1,247.1	1,244.6	12.2	11.8
Pekerja pertukangan dan perdagangan yang berkaitan	1,298.2	1,360.6	12.7	12.9
Operator kilang dan mesin dan juru pasang	1,472.0	1,518.8	14.4	14.4
Pekerja sokongan	1,124.4	1,149.7	11.0	10.9
Jumlah	10,222.0	10,547.5	100.0	100.0

¹ Anggaran


Sumber : Unit Perancang Ekonomi.

kumpulan umur 20-24 tahun manakala 25% dalam kumpulan umur 25-29 tahun. Majoriti pencari kerja yang berdaftar merupakan lulusan pengajian tinggi dengan pemegang ijazah sebanyak 27% dan diploma, 21%. Manakala mereka yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah 29%. Dari segi jantina, wanita lebih ramai dengan 59%. Memandangkan ramai pemegang ijazah dan diploma yang mendaftar dengan jabatan, Kerajaan telah memperkenalkan semula Skim Latihan Graduan pada September tahun ini.

Prospek kerja yang lebih baik turut dicerminkan melalui Bursa Buruh Elektronik (ELX), Kementerian Sumber Manusia yang menunjukkan

CARTA 2.18

Sektor Pembuatan: Pertumbuhan Produktiviti dan Kos Unit Buruh



peningkatan bilangan jawatan kosong sebanyak 87% kepada 52,882 bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2005 (Januari-Julai 2004: -51%; 28,327). Sektor perkhidmatan mencatat bilangan **kekosongan** tertinggi sebanyak 38.7%, diikuti oleh pembuatan (27%), pembinaan (8%) dan pertanian (3%). Berikutan prestasi ekonomi yang baik, bilangan **pekerja yang diberhentikan** berkurangan dengan ketara sebanyak 36% kepada 8,802 orang (Januari-Julai 2004: -4.2%; 13,693). Pekerja yang diberhentikan kebanyakannya dari sektor pembuatan, melibatkan pekerja-pekerja am yang merangkumi separuh daripada jumlah pemberhentian. Tindakan pemberhentian pekerja disebabkan permintaan yang berkurangan bagi produk dan peningkatan kos pengeluaran industri tertentu.

Produktiviti bagi sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan bagi tempoh tujuh bulan pertama 2005 sebanyak 2.6% (Januari-Julai 2004: 1.2%). Pertumbuhan yang

sederhana disebabkan oleh pengurangan output, khususnya dalam industri E&E. Dalam tempoh yang sama, seramai 9,604 pekerja baru telah diambil bekerja dalam sektor tersebut (Januari-Julai 2004: 26,814). Tekanan kepada upah dalam jangka pendek terus rendah memandangkan pertumbuhan negatif upah purata sebanyak 7.5% dan penyusutan kos benar buruh seunit sebanyak 9.9% (Januari-Julai 2004: -10%).

Malaysia memiliki rekod yang baik dalam mengekalkan keharmonian industri dengan hubungan akrab antara pihak majikan dan kesatuan sekerja. Pertelingkahan industri kebiasaannya dapat diselesaikan secara harmoni melalui rundingan dan perbincangan. Tidak ada langsung tindakan mogok yang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2005 berbanding hanya tiga kes sahaja bagi keseluruhan tahun lepas.

Produktiviti ekonomi negara secara keseluruhannya pada tahun 2005 dijangka bertambah baik berikutan prospek sektor luar yang berkembang dan memberi impak positif terhadap permintaan dan merangsang output semua sektor. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dijangka mengalami produktiviti yang lebih rendah. Dalam sektor pertanian yang mana aktiviti R&D giat dijalankan, pertumbuhan produktiviti dianggarkan lebih tinggi, terutamanya dalam industri hiliran berasaskan pertanian. Perkembangan ini dijangka menyumbang secara keseluruhannya sebanyak 2.8% kepada pertumbuhan produktiviti pada 2005 (2004: 2.9%).

Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara yang menarik bagi **pekerja asing**, terutamanya dari Indonesia disebabkan oleh persamaan dalam aspek budaya dan bahasa, di samping kedudukan geografi yang berdekatan. Sehingga akhir Mei 2005, jumlah bilangan pekerja asing berdaftar meningkat 10.2% kepada 1.62 juta berbanding 1.47 juta pada akhir 2004. Dari jumlah tersebut, 31.1% bekerja dalam sektor pembuatan, diikuti perladangan (26.9%), perkhidmatan (26.5%) dan pembinaan (15.5%). Bilangan pekerja asing yang teramai adalah dari Indonesia yang merupakan 69.4% daripada jumlah pekerja asing, diikuti Nepal (10.2%), India (6.2%) dan Vietnam (4.6%).

Kerajaan telah meningkatkan levi ke atas pekerja asing dalam sektor perkhidmatan dan perladangan sebanyak 50% berkuatkuasa Julai 2005. Pendekatan ini adalah untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tidak mahir dan meningkatkan penggunaan jentera dan automasi. Sementara itu, levi bagi sektor lain dikekalkan. Setakat 2 Ogos 2005, sejumlah 33,062 pegawai dagang telah bekerja di negara ini (2004: 40,093). Mereka adalah golongan profesional dan pekerja yang memiliki kemahiran khusus yang bekerja terutamanya di sektor perkhidmatan (14,532) dan pembuatan (13,754). Sebahagian besar daripada mereka adalah dari negara India (22%; 7,293), Jepun (12.9%; 4,250) dan China (10.9%; 3,601).

Prospek 2006

Aktiviti sektor swasta dan sektor luar yang menggalakkan memacu pertumbuhan...

Kenaikan harga minyak, pengetatan dasar monetari terutamanya di AS, ketidakseimbangan dunia yang meluas, ketegangan geo-politik yang berterusan dan kebimbangan terhadap keselamatan dunia akan menjadi cabaran kepada pertumbuhan ekonomi global pada 2006. Namun, dengan kemantapan ekonomi utama dunia, disokong oleh China dan AS, **ekonomi global** dijangka berkembang pada kadar 4.3%. Pertumbuhan ekonomi di China diramal berterusan tetapi pada kadar yang lebih rendah sedikit iaitu 8.2% dan menjadi pendorong kepada pertumbuhan di Asia, amnya dan rantau ASEAN, khususnya sementara AS diramal mencatat pertumbuhan 3.3%. Di Jepun, pertumbuhan diunjur kekal kukuh pada 2% apabila deflasi berkurangan dan permintaan dalam negeri terus mengukuh.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro juga dijangka bertambah baik, walaupun berbeza antara negara pada 1.8%. Jangkaan ini mengambil kira syarat pembiayaan yang memuaskan, peningkatan keyakinan perniagaan dengan tanda-tanda pemulihan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan serta sektor luar yang kukuh. Bagi UK pula, prospek pertumbuhan dijangka

bertambah baik pada 2.2%, dengan sektor perkhidmatan merangsang pertumbuhan, disokong oleh dasar monetari yang lebih akomodatif.

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan menyeluruh...

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya pada 2006 selaras dengan kemantapan aktiviti sektor swasta, persekitaran luar yang menggalakkan dan usaha berterusan Kerajaan untuk mempelbagaikan lagi asas ekonomi negara melalui sumber pertumbuhan baru. Pertumbuhan ekonomi dijangka lebih menyeluruh dengan semua sektor berkembang dan dipacu oleh perbelanjaan pelaburan swasta kecergasan aktiviti sektor perkhidmatan dan yang mantap. Justeru, pertumbuhan KDNK benar diunjur meningkat kepada 5.5% pada 2006 dengan pendapatan per kapita bertambah 7.1% kepada RM18,995 (2005: 6.8%; RM17,741). Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka naik 6.9% kepada USD11,030 (2005: 7.2%; USD10,323).

Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta terus berkembang, diterajui kecergasan aktiviti pelaburan...

Agregat perbelanjaan dalam negeri (tidak termasuk perubahan dalam stok) dalam nilai benar diunjur berkembang 5.7% pada 2006 (2005: 6.9%), dirangsang oleh perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi, khususnya daripada sektor swasta. Paling ketara, aktiviti pelaburan swasta dijangka terus kukuh dengan keyakinan pengguna dan peniaga meningkat serta iklim pelaburan yang bertambah baik pada tahun hadapan. Perbelanjaan **sektor swasta** dijangka menyumbang dengan ketara kepada kegiatan ekonomi dalam negeri, di mana ia meningkat 8.1% (2005: 7.5%). Manakala perbelanjaan sektor awam dijangka meningkat hanya 0.8% (2005: 5.9%), namun ia masih menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri. Oleh yang demikian, sumbangan **sektor awam** kepada pertumbuhan

KDNK benar dijangka lebih kecil sebanyak 0.2 mata peratusan (2005: 1.8 mata peratusan) berbanding dengan sumbangan sektor swasta yang kekal tinggi 5 mata peratusan (2005: 4.5 mata peratusan).

Perbelanjaan **pelaburan swasta** diunjur meningkat 13% dan menyumbang 12.4% kepada KDNK (2005: 7.6%; 11.5%), selaras dengan jangkaan pendapatan eksport yang lebih tinggi dan kemasukan berterusan FDI, terutamanya dalam industri baru dan berpotensi. Kecergasan aktiviti pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan dijangka mendapat manfaat daripada inisiatif Kerajaan untuk memperluas dan mempergiatkan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk bernilai tambah yang lebih tinggi. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2010 yang akan dilancarkan, antaranya menggariskan hala tuju bagi pembangunan SME dan seterusnya untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif dalam semua sektor ekonomi.

Aktiviti pelaburan dalam sektor pertanian dijangka semakin berkembang selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencergaskan semula sektor ini melalui pelaksanaan penggunaan alat jentera berskala besar dan pemodenan pertanian. Sektor perkhidmatan akan terus menjadi pemangkin kepada pelaburan dengan mengambil kira kemajuan dan perubahan pantas dalam teknologi, terutamanya dalam subsektor telekomunikasi, perbankan dan kewangan, perdagangan dan perkhidmatan logistik. Aktiviti pelaburan dalam industri gas dan minyak dijangka lebih menggalakkan pada 2006, didorong oleh peningkatan berterusan harga minyak sejak separuh kedua 2004 dan jangkaan peningkatan permintaan global serta kekangan penawaran. Penemuan medan gas dan minyak baru akan mempercepatkan lagi pelaburan dalam sektor ini.

Selepas berkembang kukuh pada kadar 9% setahun pada 2004 dan 2005, peningkatan **penggunaan swasta** dijangka lebih sederhana sebanyak 7% pada 2006 (2005: 7.5%) disokong oleh pertambahan pendapatan boleh guna yang stabil. **Penggunaan awam** dijangka meningkat lagi sebanyak 1.3% (2005: 8.9%), dengan mengambil kira peningkatan perbelanjaan

bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Selepas mengambil kira peruntukan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi berjumlah RM22,001 juta pada 2006 (2005: RM19,613 juta), **pelaburan awam** dijangka meningkat sebanyak 0.3% (2005: 3%).

Prospek Mengikut Sektor

Kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif...

Dari sudut penawaran, kesemua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan terus menjadi peneraju pertumbuhan. Sektor pembuatan dijangka tumbuh pada kadar lebih tinggi berikutan permintaan elektronik global yang bertambah baik dan tahap aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus kukuh. Sektor perkhidmatan dijangka bertambah mantap dengan kesemua subsektor mencatat pertumbuhan positif. Pertumbuhan sektor ini akan disokong oleh pengembangan berterusan dalam aktiviti perkhidmatan baru seperti perkhidmatan berkaitan ICT, perniagaan penyumberan keluar dan juga perkhidmatan kesihatan dan pendidikan swasta. Sektor pertanian dijangka terus berkembang berikutan usaha berterusan untuk mempelbagai dan memodenkan sektor ini, terutamanya dalam pengeluaran komoditi makanan untuk membantu mengurangkan bil import yang tinggi. Sektor pembinaan diunjur kembali pulih, didorong oleh pelaksanaan projek infrastruktur baru di bawah RMKe-9.

Pertumbuhan **sektor pembuatan** diunjur berkembang 4.9% pada 2006 (2005: 4.8%), berikutan peningkatan semula permintaan elektronik global bermula separuh kedua 2005. Persekitaran sektor pembuatan dijangka berubah selari dengan perkembangan baru dan peralihan kepada proses pembuatan didorong oleh teknologi dengan aktiviti R&D yang semakin rancak. Perkembangan baru termasuk teknologi tinggi seperti nanoteknologi, bioteknologi dan amalan pengilangan termaju, yang merangkumi teknologi tinggi pemprosesan perisian berpengetahuan. Perkembangan ini dijangka menyumbang secara positif kepada pertumbuhan sektor pembuatan.

Prospek bagi **sektor perkhidmatan** terus menggalakkan dengan pertumbuhan dijangka lebih kukuh pada kadar 6.1% (2005: 5.8%). Pertumbuhan ini akan dijana oleh kecergasan aktiviti kesemua subsektor utama. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dijangka terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, mendapat manfaat daripada pengembangan kapasiti syarikat penerbangan dan pelaburan syarikat komunikasi. Pertambahan aktiviti pelancongan dalam negeri dan aktiviti berkaitan perdagangan yang disokong oleh pertambahan pendapatan akan menyumbang kepada pertumbuhan yang tinggi dalam subsektor borong dan runcit, hotel dan restoran. Peningkatan jumlah pinjaman bank dan aktiviti kewangan yang lain akan merancakkan lagi pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans.

Sektor pertanian dijangka tumbuh pada kadar lebih tinggi iaitu 5% pada 2006 (2005: 4.8%), disumbangkan oleh pengeluaran kelapa sawit dan getah yang lebih tinggi serta pertambahan pengeluaran makanan. Kerajaan akan terus mencergaskan semula subsektor makanan melalui pelaksanaan pelbagai strategi dan langkah untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan pengeluaran makanan. Tambahan pula, kegiatan pelaburan yang berterusan dalam bidang terkhas pertanian, khususnya akuakultur, rumpai laut, herba, florikultur dan ikan hiasan, dijangka menjana pertumbuhan sektor ini.

Pengeluaran minyak mentah dan gas dijangka terus meningkat pada 2006 berdasarkan permintaan yang kukuh dan harga yang lebih tinggi serta peningkatan kapasiti di medan minyak dan gas baru. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat 4.2% dan gas asli sebanyak 10% (2005: -1.5%; 5%). Oleh itu, pertumbuhan **sektor perlombongan** dari segi nilai ditambah dijangka berkembang pesat sebanyak 4.7% pada tahun hadapan (2005: 1.5%).

Sektor pembinaan dijangka kembali pulih pada tahun hadapan dengan mencatatkan pertumbuhan 3% (2005: -1.1%). Pertumbuhan ini dirangsang oleh pemulihan aktiviti subsektor kejuruteraan awam berikutan pelaksanaan projek infrastruktur di bawah RMKe-9. Demikian juga, aktiviti subsektor kediaman dan bukan kediaman

diunjurkan kekal aktif, disokong oleh permintaan yang berterusan bagi unit kediaman dan pejabat binaan khas.

Perdagangan Luar

Lebih akaun semasa imbalan pembayaran kekal besar...

Pendapatan eksport kasar Malaysia pada 2006 dijangka terus kukuh, selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia yang mantap dan perkembangan perdagangan antarabangsa. Ia juga disokong oleh usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pengeksporth meneroka pasaran bukan tradisi dan memperkenalkan produk baru. Pendapatan eksport dijangka berkembang 11.1% (2005: 10.8%), dijana sebahagian besarnya oleh peningkatan eksport barangan pembuatan. Begitu juga, pembayaran import akan meningkat 12.6% berdasarkan kepada peningkatan import barangan perantara, modal dan penggunaan. Walaupun import berkembang lebih pantas daripada eksport, Malaysia dijangka mencatat lebih dagangan besar berjumlah RM101,766 juta bagi tahun 2006 (2005: RM97,163 juta).

Akaun barangan **imbangan pembayaran** dijangka mencatatkan aliran masuk bersih berjumlah RM132,528 juta bagi 2006 (2005: RM124,068 juta). Walaupun Malaysia akan terus merekodkan aliran keluar bersih bagi akaun perkhidmatan, ia dijangka berkurangan berikutan jangkaan peningkatan penerimaan pelancong serta perolehan daripada perkhidmatan ICT dan kewangan. Walau bagaimanapun, akaun pendapatan pula dijangka terus mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi berjumlah RM24,622 juta (2005: -RM23,833 juta), disebabkan terutamanya oleh

peningkatan pendapatan MNC yang beroperasi di Malaysia. Di samping itu, aliran keluar akaun pindahan semasa, merangkumi terutamanya kiriman wang keluar oleh pekerja asing, dianggarkan bertambah kepada RM19,543 juta (2005: -RM18,985 juta). Jumlah lebihan akaun barangan dijangka lebih dari mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bagi sembilan tahun berturut-turut. Dengan ini, akaun semasa imbalan pembayaran sekali lagi dijangka mencatat lebihan yang besar berjumlah RM80,302 juta (2005: RM73,001 juta) atau 15.9% daripada KNK (2005: 15.7%).

Kedudukan Sumber Negara

Sumber negara kukuh, walaupun aktiviti pelaburan lebih cergas...

Selaras dengan pengembangan kegiatan ekonomi dalam negeri dan pendapatan eksport yang lebih tinggi, pendapatan negara dalam nilai semasa dijangka terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.2% pada 2006 (2005: 9.1%). Dengan jumlah perbelanjaan penggunaan dijangka meningkat 8.1% yang mana lebih rendah daripada kadar pertumbuhan pendapatan negara (9.2%), TNK akan meningkat pada kadar 11.6% kepada RM188,209 juta pada 2006 (2005: 6.5%; RM168,592 juta). Sehubungan itu, bahagian TNK mengikut peratusan kepada KNK kekal tinggi pada 37.2% (2005: 36.4%). Jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) pula diunjurkan meningkat kukuh sebanyak 12.9% kepada RM107,907 juta dan menyumbang 21.3% kepada KNK (2005: -6.1%; RM95,591 juta; 20.6%). Oleh yang demikian, kedudukan **sumber negara** dijangka mencatat peningkatan lebihan dan kekal pada paras yang tinggi sebanyak RM80,302 juta atau 15.9% kepada KNK (2005: RM73,001 juta; 15.7%).